

# **PERUTUSAN NAIB CANSOLOR 2018**

**PROFESOR DATIN PADUKA DATO' DR. AINI IDERIS**

**Ihsan dan Kesejahteraan  
Melangkaui 2025**


© Penerbit Universiti Putra Malaysia 2018

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada pihak Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Penerbit UPM adalah anggota Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) (MAPIM) dan anggota majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia

Rupa Taip Teks: Akrobat, Antonio, Optima, Benard MT.  
Saiz Taip Teks: 11/14  
Reka Bentuk Kulit: Mazlan Jamali  
Reka Letak Teks: Mazlan Jamali & Mohd.Ghazali Razak

Dicetak oleh  
UKM Cetak Sdn. Bhd.  
Aras bawah  
Bangunan Penerbit UKM  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
436400, Bangi Selangor





# Ihsan dan Kesejahteraan Melangkaui 2025



#WeLoveUPM

PROFESOR DATIN PADUKA DATO' DR. AINI IDERIS



**BERILMU, BERBAKTI**  
PERTANIAN · INOVASI · KEHIDUPAN



# KANDUNGAN

<b>1</b>	Pendahuluan	6
<b>2</b>	Imbasan Kegemilangan 2017	12
<b>3</b>	Keterlihatan Jenama UPM	19
<b>4</b>	Kerjasama Strategik UPM dengan Industri	25
<b>5</b>	Semangat Sayangkan UPM	31
<b>6</b>	Ihsan dan Kesejahteraan Melangkaui 2025	35
<b>7</b>	Memacu Penyelidikan dan Inovasi untuk Kesejahteraan	39
<b>8</b>	Mengaspirasikan UPM Ke Arah Kampus Pintar	49
<b>9</b>	Menjayakan Pembelajaran dan Pengajaran Melalui Keserakanan	53
<b>10</b>	Meningkatkan Kesejahteraan Kehidupan Pelajar	57
<b>11</b>	Mengarus Perdana Jaringan Industri dan Masyarakat	61
<b>12</b>	Mengupayakan Peranan dan Sumbangan UPM Kampus Bintulu	65
<b>13</b>	Memperhebat Potensi dan Bakat	69
<b>14</b>	Transformasi UPM Melangkaui 2025	73
<b>15</b>	Memanfaatkan Keperkasaan Alumni sebagai Kekuatan UPM	79
<b>16</b>	Menyejahterakan Warga UPM	83
<b>17</b>	Tanggungjawab Sosial dan Pembangunan UPM Holdings	89
<b>18</b>	Strategi Penjanaan dan Penjimatan UPM	93
<b>19</b>	Penutup	97




# PENDAHULUAN



**Assalamualaikum  
warahmatullahi wabarakatuh  
dan Salam Sejahtera.**

Pertamanya, saya ingin melafazkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka dapat kita bersama-sama hadir di majlis Perutusan Naib Canselor 2018 pada pagi Jumaat yang penuh keberkatan ini. Saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada warga Universiti Putra Malaysia (UPM), yang dapat berkesempatan hadir untuk mendengar perutusan kali ini. Saya yakin kehadiran ahli akademik, pegawai kumpulan profesional dan pengurusan, kumpulan pelaksana dan para pelajar pada hari ini, menzahirkan semangat kekitaan untuk bersama-sama melonjak pencapaian dan kecemerlangan UPM ke tahap yang lebih tinggi.



Saya sangat teruja dan berbesar hati, kerana masih lagi diberikan peluang untuk menyampaikan Perutusan Tahun 2018 kepada semua warga UPM. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada YB. Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia, Dato' Seri Idris Jusoh yang memberi kepercayaan untuk melantik saya sebagai Naib Canselor bagi tempoh dua tahun lagi. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan semua Ahli Lembaga Pengarah Universiti atas sokongan dan nasihat kepada saya dan UPM selama ini.







Saya percaya pelantikan ini juga adalah impak kejayaan kita bersama dalam menerajui UPM sebagai antara universiti perdana di negara. Saya tidak mampu berdiri teguh tanpa sokongan seluruh warga UPM. Sehubungan dengan itu juga, saya masih lagi meneruskan lawatan ke seluruh pusat tanggungjawab (PTJ) yang dijangka berakhir April ini, untuk berjumpa dan berkongsi aspirasi dengan seluruh warga UPM.



Sepanjang tempoh dua tahun pertama sebagai Naib Canselor, ia memberikan saya pengalaman yang sangat bermakna. Ia bukan satu tugas yang mudah, penuh dengan cabaran, tetapi dengan kerjasama semua pihak, perkara yang berat menjadi ringan. Pada kesempatan ini juga, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua warga UPM, khususnya Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Jemaah Dekan, Pengarah dan Pengetua, dan kumpulan pengurusan pentadbiran, serta pelaksana, yang sentiasa mendahulukan kepentingan UPM mengatasi segala-galanya. Kepada mantan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), YBhg. Prof. Dato' Dr. Husaini Omar yang telah dilantik sebagai Naib Canselor, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang baharu, kami doakan selamat maju jaya.



Sepanjang tahun lalu, kita menerima berita yang mendukacitakan apabila beberapa warga UPM yang kita kasihi telah pergi buat selama-lamanya, mendahului kita semua. Pada kesempatan di hari Jumaat yang penuh barakah ini, marilah kita menyedekahkan Al-Fatihah kepada semua arwah, semoga mereka digolongkan dalam golongan yang dirahmati Allah SWT. **Setiap keluarga mereka yang telah pergi ini menerima sumbangan sebanyak RM10 ribu melalui Pelan Kasih UPM Holdings. Al-Fatihah.**



# IMBASAN KEGEMILANGAN 2017

---



Seperti tahun-tahun lalu, UPM terus melakar kecemerlangan dalam pelbagai bidang. Pada 2017, UPM telah berjaya berada dalam kelompok **SATU PERATUS** universiti terbaik di **DUNIA** dan **ASIA**, serta ranking ke-4 terbaik dalam kalangan negara ASEAN berdasarkan penilaian oleh *QS University Ranking*. Secara keseluruhannya, UPM berada pada kedudukan ke-229 universiti terbaik dunia dalam *QS World University Rankings 2017/2018*, mengukuhkan kedudukan ke-36 universiti terbaik di Asia, tersenarai pada tangga ke-15 terbaik dunia dan ranking pertama di Malaysia dalam ranking *QS Top 50 under 50*, dan seterusnya mempertahankan kedudukan sebagai universiti kedua terbaik negara. UPM menunjukkan peningkatan tertinggi, iaitu sebanyak 182 kedudukan sejak penyertaannya dalam ranking universiti dunia pada 2013.

Melalui *QS World University Rankings by Subjects* pula, **tiga subjek** UPM diiktiraf dalam kedudukan 100 terbaik dunia, iaitu subjek **Pertanian dan Perhutanan, Kejuruteraan Kimia, dan Kejuruteraan Mekanikal, Aeronautikal dan Pembuatan**. Selain itu, subjek **Sains Pertanian** juga disenaraikan pada kedudukan ke-53 terbaik dunia dan menduduki ranking pertama di Malaysia sepertimana dilaporkan oleh *U.S News & World Report: Best Global Universities Ranking by Subjects 2017/2018*. UPM juga cemerlang dalam disiplin **Sains dan Teknologi Makanan** apabila *Shanghai Ranking's Global Ranking of Academic Subjects* menyenaraikan UPM pada ranking ke-25 terbaik di dunia.

Reputasi UPM sebagai sebuah kampus yang lestari hijau terserlah apabila diiktiraf oleh pelbagai organisasi daripada dalam dan luar negara. Pada 2017, UPM telah disenaraikan dalam **ranking ke-27 universiti terbaik dunia, ketiga Asia dan kedua Asia Tenggara** oleh *UI-Greenmetric World University*

**Melalui QS World University Rankings by Subjects pula, tiga subjek UPM diiktiraf dalam kedudukan 100 terbaik dunia, iaitu subjek Pertanian dan Perhutanan, Kejuruteraan Kimia, dan Kejuruteraan Mekanikal, Aeronautikal dan Pembuatan.**

*Ranking* dan sekali gus meletakkan UPM sebagai peneraju utama kampus hijau di Malaysia dalam **tempoh lapan tahun berturut-turut**.

Prakarsa kelestarian hijau UPM juga mendapat pengiktirafan daripada Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) apabila UPM memenangi anugerah utama, iaitu **Anugerah Kursi Ketua Setiausaha Negara** pada Konvensyen Kelestarian Kampus Hijau 2017. Anugerah ini ialah pengiktirafan kerajaan kepada universiti awam dalam aspek kelestarian alam sekitar, khususnya berkaitan pengurusan sisa pepejal. Kita juga mencapai satu lagi kejayaan yang membanggakan, apabila UPM mencatatkan prestasi terbaik dengan meraih penarafan **6 Bintang (Gemilang)** dalam Penarafan Universiti dan Kolej Universiti Malaysia (SETARA), dan dipilih sebagai penerima **Anugerah Kualiti SIRIM 2017** kategori agensi kerajaan, iaitu sebagai pengiktirafan kepada UPM atas tahap pengurusan kualiti yang menepati tahap standard kebangsaan dan antarabangsa.

“ Pada 2017, UPM telah disenaraikan dalam ranking ke-27 universiti terbaik dunia, ketiga Asia dan kedua Asia Tenggara oleh *UI-Greenmetric World University Ranking* dan sekali gus meletakkan UPM sebagai peneraju utama kampus hijau di Malaysia dalam tempoh lapan tahun berturut-turut. ”



Sumbangan warga UPM terhadap reputasi dan imej universiti terus bersemarak ke peringkat antarabangsa. Sebagai contohnya, saudari **Cheong Jun Hoong**, pelajar Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, menjuarai acara 10 meter platform pada **Kejohanan Akuatik Dunia FINA 2017**. Jun Hoong berjaya mengalahkan penerjun dari negara China yang sekian lama mendominasi acara 10 meter platform wanita. Kemenangan ini mencipta sejarah buat negara, iaitu kemenangan **pingat emas pertama** negara sepanjang penyertaan atlet Malaysia dalam Kejohanan Akuatik Dunia. UPM juga bangga dengan pencapaian atlet pelajar yang menyumbangkan **15 emas, 11 perak dan 11 gangsa** dalam **Sukan SEA Kuala Lumpur 2017**. Seramai **75 atlet UPM** telah mengambil bahagian dalam Sukan SEA, iaitu jumlah atlet tertinggi universiti daripada 264 atlet institusi pengajian tinggi negara dan sekali gus membentuk keseluruhan 874 atlet Malaysia. Dalam negara pula, UPM telah muncul sebagai **juara keseluruhan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT 2018)** baru-baru ini, dengan mengutip 44 pingat emas, 41 perak dan 33 gangsa. Tahniah diucapkan.







Dalam aspek penyelidikan *translational* nama UPM harum dengan inovasi **PadiU Putra** yang mampu meningkatkan pengeluaran hasil tanaman di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Terengganu Utara (IADA-Ketara) sebanyak 30%. Kecemerlangan ini diteruskan oleh **Safe Kids Malaysia UPM** yang memenangi anugerah berprestij **Prince Michael International Road Safety Award 2017** di London, hasil kejayaan program *'Motorcycle Child Helmet'* yang dijalankan di sekolah-sekolah rendah di Selangor. Ini adalah kejayaan ketiga **Safe Kids Malaysia** pada peringkat antarabangsa selepas **Fedex International Award** dan pemenang **Anugerah Kecemerlangan Komunikasi**. Hakikatnya, pada 2017, UPM mencapai banyak kejayaan sama

ada pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Kejayaan demi kejayaan ini adalah manifestasi usaha padu seluruh warga UPM atas segala kerja keras, pengorbanan, dan sokongan yang tidak berbelah bahagi. Tahniat dan syabas saya ucapkan! Komitmen dan budaya prestasi tinggi inilah yang telah banyak menyumbang kepada UPM untuk berdaya saing dalam membina jenama global dan menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.







# KETERLIHATAN JENAMA UPM

Dalam Perutusan 2017 lalu, saya telah mendambakan aspirasi untuk menjadikan UPM sebagai jenama global melalui pelbagai pendekatan aktiviti penjenamaan, termasuklah komunikasi media massa, media sosial, penulisan kepakaran, promosi dan publisiti universiti. Walaupun ranking merupakan salah satu indikator yang boleh diukur dalam melonjak reputasi universiti, namun kita mempunyai banyak lagi strategi dan pendekatan inovatif yang lain untuk mengangkat kedudukan UPM sebagai universiti bereputasi antarabangsa.



Menurut laporan Isentia (Media Intelligence Consultant Sdn. Bhd.), sehingga 31 Disember 2017, sebanyak 8,183 berita/klip UPM diterbitkan dalam pelbagai media, iaitu peningkatan 619 atau 6.81% berbanding dengan 2016. Jumlah ini merupakan pencapaian terbaik UPM untuk impak liputan media massa dalam tempoh 11 tahun, iaitu sejak tahun 2007. Pencapaian ini juga menunjukkan bahawa UPM berjaya menjimatkan kos nilai pengiklanan ruang berita, iaitu sebanyak RM70.1 juta dan menghasilkan nilai perhubungan awam yang berimpak tinggi.

Inisiatif UPM dalam konteks '*media synergy*' dan komunikasi strategik telah merencanakan penyertaan akademia UPM dalam penulisan, dan ramai pakar UPM aktif memberikan maklum balas kepakaran dalam media massa. Langkah ini adalah pragmatik dan berkesan supaya masyarakat dapat menguji, mencuba,

menghayati dan menggunakan ilmu tersebut untuk masalah bersama. Banyak huraian isu telah didiagnosis dan banyak juga cadangan dikemukakan untuk pertimbangan pembuat polisi dan sekali gus meningkatkan pengetahuan rakyat dalam sesuatu bidang. Perkongsian kepakaran ini merupakan usaha bijak dalam memaknakan strategi membangunkan minda rakyat melalui wacana ilmiah yang berkualiti. Penyampaian pengetahuan dan kemahiran melalui penulisan ilmiah ini bukan sahaja dapat menyuburkan budaya ilmu tetapi juga berupaya memberikan sumbangan yang besar terhadap pembinaan minda bangsa yang maju.

Sepanjang 2017, **sebanyak lebih 200 penulisan kepakaran dan maklum balas telah diterbitkan dalam media cetak arus perdana** yang menganalisis isu terkini dari sudut



akademik. Penulisan pakar UPM menyentuh pelbagai aspek seperti isu pertanian, kesihatan, sosial, ekonomi dan politik untuk mewujudkan kesedaran rakyat. Impak penulisan telah berjaya memberikan tanggapan bahawa pakar UPM sentiasa ke hadapan dalam permasalahan rakyat dan negara. Saya mengharapkan pada 2018, lebih ramai lagi pakar UPM terlibat dalam aktiviti penulisan, dan menyasarkan lebih 400 artikel, iaitu peningkatan sebanyak 100% berbanding dengan tahun 2017. Di samping itu, saya juga menyeru supaya pegawai akademik UPM terus aktif menyampaikan maklum balas di dalam media massa sama ada melalui temu bual atau wawancara berkaitan isu kritikal negara, perkembangan global serta pelbagai dimensi kehidupan masyarakat keseluruhannya. Ini pastinya juga adalah sumbangan dan bakti kita kepada kesejahteraan sejagat.



Komunikasi strategik menjadi alat pengukuran yang penting dalam pengukuhan citra UPM dan penyampaian maklumat secara komprehensif. Justeru, penggunaan teknologi digital dan media sosial menjadi wahana yang kritikal dalam membentuk pendekatan komunikasi semasa yang menepati situasi dan kumpulan sasaran masa kini. Sehingga 31 Disember 2017, UPM mempunyai jumlah pengikut (*followers*) berdasarkan aplikasi media sosial seperti berikut: Facebook (149,617), LinkedIn (42,441), Instagram (10,063), Twitter (8,449), Youtube (1,317) dan Google+ (847). Facebook merupakan jaringan sosial yang paling popular dan sepanjang 2017, jumlah LIKE Facebook (FB) rasmi UPM telah meningkat kepada 149,617 dengan pertambahan sebanyak 47,719 LIKE berbanding dengan 2016.

Kita perlu memanfaatkan kelebihan media sosial untuk meraih maklum balas dan mendapatkan idea baharu dan relevan dengan perkembangan dan transformasi universiti. Melalui media sosial, kita banyak berkongsi maklumat yang informatif dan terkini, menyampaikan penemuan baharu serta meluaskan penyebaran ilmu dan inovasi universiti untuk manfaat masyarakat. Justeru, media sosial dan rangkaian teknologi aplikasi seumpama ini mestilah menjadi instrumen dan wahana UPM untuk mencerna informasi atau mendengar cadangan yang amat berguna bagi penambahbaikan yang berterusan, dan sekali gus ia menjadikan UPM lebih bersifat demokratik, integratif, inovatif, telus dan inklusif.

Selain itu, mobiliti akademik staf UPM sama ada secara pinjaman, penempatan secara pentadbiran dan pelantikan berganda di agensi kerajaan, agensi swasta, mahupun organisasi antarabangsa perlu kita perkukuhkan kerana mereka umpama duta atau perwakilan universiti yang dapat menjayakan misi penjenamaan UPM. Saya percaya, penglibatan mereka di luar sangat strategik kerana akan sentiasa membawa nama UPM di persada negara dan dunia.





“

Menurut laporan Isentia (Media Intelligence Consultant Sdn. Bhd.), sehingga 31 Disember 2017, sebanyak 8,183 berita/klip UPM diterbitkan dalam pelbagai media, iaitu peningkatan 619 atau 6.81% berbanding dengan 2016. Jumlah ini merupakan pencapaian terbaik UPM untuk impak liputan media massa dalam tempoh 11 tahun, iaitu sejak tahun 2007.

”







# KERJASAMA STRATEGIK UPM DENGAN INDUSTRI

Dalam aspek kerjasama strategik antara universiti dan industri, UPM juga telah menempa satu lagi sejarah apabila AirAsia, iaitu syarikat penerbangan tambang murah pertama di Asia yang berpangkalan di Malaysia telah menghasilkan “*livery*” UPM-AirAsia pada sebuah pesawatnya. Ia telah berjaya dilancarkan secara rasminya oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB. Dato’ Seri Idris Jusoh di Sepang Aircraft Engineering (SAE), Sepang pada 12 September 2017. Untuk makluman semua, UPM adalah universiti pertama yang namanya terpapar di kapal terbang AirAsia. Paparan “*livery*” jenama UPM pada pesawat AirAsia, Airbus 320 dengan nombor pesawat 9MAQD mula kelihatan di ruang angkasa pada 2 Ogos 2017. “*Livery*” pesawat ini telah menggunakan konsep imej, motif dan warna korporat UPM daripada logo rasmi UPM dan digabungkan dengan motif pokok ikonik UPM iaitu pokok Hujan-hujan (*Rain Tree*) yang memaparkan kampus hijau UPM nombor satu di Malaysia. Pokok ikonik UPM atau nama saintifiknya *Enterolobium cyclocarpum* di Taman Pertanian Universiti ini juga kerap digunakan dalam penggambaran televisyen, akhbar dan majalah.

Selain itu, UPM dan AirAsia juga sedang merangka dan melaksanakan sinergi strategik dalam bidang mobiliti pelajar dan staf, **program internship "High Flyer AirAsia"**, kerjasama akademik program eksekutif dan penyelidikan berteraskan bidang aeroangkasa. Hubungan UPM dan AirAsia mula terjalin apabila Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes dilantik oleh Kementerian Pendidikan Tinggi sebagai CEO@Faculty Programme untuk UPM bagi berkongsi pengalaman dan pengetahuan berkaitan dunia korporat bersama pelajar dan staf UPM.



Selain hubungan strategik dengan AirAsia, UPM juga telah mewujudkan kolaborasi dengan industri susu segar terkenal negara, The Holstein Milk Company Sdn. Bhd. (THMCSB) bagi tujuan merancang industri susu segar di bawah *Economic Transformation Programme* (ETP), Kluster Tenusu (EPP 13) dengan menubuhkan Pusat Kecemerlangan Industri UPM-FarmFresh. Syarikat ini menggunakan jenama FarmFresh di mana rangkaian produknya merangkumi susu segar, susu berperisa dan yogurt. **Pusat Kecemerlangan Industri UPM-**

**FarmFresh** ini adalah model industri dalam universiti yang berperanan sebagai model pengajaran dan pembelajaran sebenar serta membuka laluan pembangunan kerjaya pelajar. Penubuhan pusat ini akan melibatkan geran RM15 juta untuk menaik taraf pembangunan ladang tenusu sedia ada di UPM, untuk tempoh lima tahun dan sekali gus sinergi strategik ini pastinya akan mendukung kegemilangan pertanian UPM dan juga negara.



Pada 2017, UPM juga berjaya mewujudkan tabung endowmen Yayasan Sime Darby sebanyak RM3 juta untuk tempoh lima tahun. Tabung endowmen ini dikenali sebagai **Yayasan Sime Darby Postgraduate Scholarship Programme in Collaboration with Universiti Putra Malaysia**. Objektif utama Tabung Endowmen ini adalah untuk menyumbang kepada kelestarian pembangunan kelapa sawit, di mana pelajar tajaan program ini perlu menjalankan kajian penyelidikan yang akan diselia secara bersama antara pensyarah UPM dan juga pegawai penyelidikan

daripada Sime Darby Technology Centre (SDTC). Tabung ini menawarkan 30 biasiswa kepada rakyat Malaysia yang cemerlang dan berkecayaan, dan juga pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat Master dan PhD di UPM. Biasiswa yang ditawarkan di bawah tabung endowmen ini meliputi elaun sara hidup dan yuran pengajian untuk program yang berkaitan. Setakat Disember 2017, seramai lima orang pelajar UPM telah menerima tajaan melalui tabung ini, iaitu tiga orang pelajar PhD dan dua orang pelajar Master Sains.



Banyak lagi kolaborasi industri yang telah dijalinan sepanjang 2017. Ia adalah impak keberhasilan UPM mencipta reputasi cemerlang dalam bidang akademik dan penyelidikan, sekaligus menarik perhatian institusi tempatan dan global untuk membina rangkaian strategik dalam pelbagai bidang. Pada 2017, UPM telah menandatangani 51 Memorandum Persefahaman dan Perjanjian (MoU/MoA) berbanding dengan 45 perjanjian pada 2016, iaitu peningkatan sebanyak 13.3% institusi. Daripada jumlah tersebut, 23 perjanjian merupakan kerjasama dengan institusi antarabangsa dan 28 agensi tempatan. Lonjakan 13.3% ini menunjukkan bahawa UPM terus mempergiat jaringan dan rangkaian untuk mencipta kecemerlangan dalam pengajaran, penyelidikan, pengkomersilan dan inovasi.



Justeru, pada 2018, saya meminta supaya semua PTJ yang bertanggungjawab menerajui kerjasama MoU/MoA berkenaan supaya memainkan peranan dengan lebih aktif, proaktif dan progresif dalam mengadakan aktiviti yang berimpak tinggi sepertimana terkandung dalam cadangan yang dikemukakan melalui kerjasama dengan institusi berkenaan. Ini bermakna bahawa kita bukan sahaja agresif meneroka peluang kerjasama baharu dengan industri dan institusi, tetapi kita juga mesti memastikan bahawa perancangan aktiviti yang dibuat melalui MoU/MoA mesti dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta memberikan impak yang signifikan kepada kecemerlangan dan kesejahteraan universiti.







# SEMANGAT SAYANGKAN UPM

Pada 2017, saya telah mencadangkan pembinaan *sculpture* “#WeLoveUPM” di lokasi strategik sebagai arca simbolik yang menonjolkan nilai kasih sayang, *sense of belonging* dan *sense of pride* terhadap UPM. Ia adalah satu inisiatif untuk menambah baik persekitaran universiti dengan elemen *sculpture* yang bermakna dan menjadi lokasi kepada warga kampus, alumni, pelawat dari dalam dan luar negara, serta masyarakat untuk merakam kenangan ketika berada di UPM. Reka bentuk *sculpture* telah dihasilkan dengan mengambil kira beberapa strategi lain, terutamanya untuk meningkatkan visibiliti UPM melalui kaedah penggunaan #WeLoveUPM dalam media sosial, pertandingan fotografi “WeLoveUPM” dan secara tidak langsung projek ini adalah serampang dua mata untuk meningkatkan visibiliti universiti. Kos pembinaannya pula ditanggung oleh alumni UPM atas dasar *spirit of giving* kepada alma mater.





Alhamdulillah, pada Oktober 2017, *sculpture* "#WeLoveUPM" dengan ketinggian 2 meter dan panjang 12 meter siap dibina atas Dataran Putra, melalui sumbangan kos perbelanjaan, idea dan reka bentuk oleh beberapa alumni UPM. Projek ini secara langsung menjadi salah satu daripada mercu tanda kebanggaan universiti, sumbangan alumni dalam menyemarakkan persekitaran UPM yang menarik dan kreatif. Dengan itu, saya mengambil kesempatan di sini merakamkan jutaan terima kasih kepada Dr. Ling Tung King (alumni Veterinar tahun 1983), kumpulan KASEL UPM Landscape Architect Alumni daripada Fakulti Rekabentuk dan Senibina yang diketuai oleh Mr. LAr Amos Ng, serta Persatuan Alumni UPM, yang telah menggerakkan projek ini dengan jayanya.

Beberapa *sculpture* seumpama ini juga telah didirikan dengan megahnya di Kolej Kediaman, Fakulti, Institut dan beberapa PTJ lain dalam persekitaran UPM. Semoga usaha ini akan terus memperkukuh hubungan UPM dan alumni, serta menjadi saksi dan bukti akan kesepaduan kita mempasak citra UPM yang tulus dan murni.

**Pada Oktober 2017, *sculpture* "#WeLoveUPM" dengan ketinggian 2 meter dan panjang 12 meter siap dibina atas Dataran Putra, melalui sumbangan kos perbelanjaan, idea dan reka bentuk oleh beberapa alumni UPM.**







# IHSAN DAN KESEJAHTERAAN MELANGKAUI 2025

Perutusan kali ini sangat besar maknanya meskipun ia masih membawa tema utama yang sama, iaitu Ihsan. Kenapa saya masih mengetengahkan Ihsan sebagai tema perutusan kali ini? Hal ini kerana saya merasakan nilai Ihsan perlu sentiasa diingati dan dihayati oleh semua warga agar pekerjaan yang kita lakukan bersandarkan amanah, kecekapan yang tinggi, kesempurnaan, keikhlasan, integriti, kualiti dan budaya kecemerlangan. Saya percaya masih ada dalam kalangan kita yang tidak begitu jelas tentang makna dan nilai Ihsan. Malah, masih ada yang menafsirkan Ihsan sebagai perasaan belas kasihan. Kedua-duanya adalah berbeza. Kita sangat memahami bahawa satu-satu nilai itu mengambil masa yang agak panjang untuk difahami dan dihayati, lebih-lebih lagi nilai Ihsan mendukung maksud yang berat lagi mendalam dalam ajaran Islam. Marilah kita sama-sama melihat usaha menghayati Ihsan ini sebagai satu jihad kita untuk terus memperbaiki diri demi kepentingan UPM dan kesejahteraan warganya.

Apabila Ihsan diperkenalkan buat pertama kali dalam Perutusan 100 hari saya pada 20 April 2016 lalu, kita telah meletakkan **Ihsan sebagai tonggak kecemerlangan**. Dalam Perutusan Tahun 2017, kita terus menghayati Ihsan dalam mendepani cabaran kecemerlangan. Justeru, pada tahun ini, kita akan terus mengangkat ihsan sebagai pemangkin kepada kesejahteraan kampus dan masyarakat sejagat. **Kesejahteraan bermaksud aman dan makmur, senang, gembira dan tenteram serta terpelihara daripada segala bencana, kesusahan dan gangguan**. Dengan nilai ihsan yang menjadi pegangan warga UPM ini, saya yakin dan percaya bahawa kita akan dapat menggapai kesejahteraan hidup dan berfungsi sebagai tenaga akademik dan warga kerja yang cemerlang di universiti unggul ini. Dengan ihsan dalam pengajaran, kita tentu akan dapat menerapkan ilmu dan melatih pelajar kita berfikir ke arah menyejahterakan masyarakat apabila mereka kelak memegang teraju kepemimpinan dalam mana-mana organisasi.



Dengan **ihsan dalam penyelidikan** kita bermatlamat mencipta inovasi dalam segenap bidang yang ada di UPM ini yang akan menyumbang kepada menyejahterakan masyarakat negara kita dan dunia. Dengan **ihsan dalam penerbitan** kita berhasrat berkongsi segala ilmu baharu yang terjana hasil daripada penyelidikan kita dengan masyarakat dan rakan-rakan dalam bidang yang sama, juga dengan tekad untuk menyejahterakan manusia. Dengan **ihsan dalam khidmat profesional**, sudah tentulah matlamat kita untuk membawa inovasi yang tercipta di taman ilmu ini terus ke pangkuan masyarakat, agar dapat mereka manfaatkan, yang sudah tentu akan mampu membawa mereka menuju kesejahteraan.



Tahun 2025 menjadi tahun getir kepada UPM kerana ia menjadi titik tolak kepada UPM untuk terus membina masa hadapan yang gemilang bersama cabaran semasa. Era melangkaui 2025 sangat kritikal kerana sumbangan UPM bukan sahaja bermakna dalam konteksnya sebagai **taman ilmu dan pemikiran**, tetapi turut mengisi tuntutan transformasi pembangunan negara menjelang 2050. Dalam hal ini, **UPM perlu melakukan lonjakan transformasi governan melalui *business model* baharu yang lebih mandiri dan lestari.**







# MEMACU PENYELIDIKAN DAN INOVASI UNTUK KESEJAHTERAAN

Sebagai sebuah universiti penyelidikan, UPM menggalas amanah besar negara. Amanah ini bukan sekadar memenuhi semua Petunjuk Prestasi Utama (KPI), tetapi memberi sumbangan melangkaui sempadan universiti untuk kesejahteraan masyarakat dan kepentingan negara. Justeru, seiring dengan moto “Berilmu Berbakti”, UPM sangat terpanggil untuk menjayakan penyelidikan *translational* yang dapat memastikan hasil penyelidikan mampu diterjemahkan bagi penyelesaian kepada isu nasional dan antarabangsa. Dalam hal ini, inisiatif untuk menggalakkan penyelidikan *translational* ini adalah ampuhan kepada komitmen daripada UPM dalam menjadikan bidang penyelidikan bukanlah setakat boleh diterjemah hanya di dalam makmal, tetapi mampu untuk menyelesaikan isu dan juga menjadi alat penghubung untuk mendekati masyarakat setempat. Ia juga mampu menjadi satu platform untuk mendedahkan kepada masyarakat mengenai inovasi penyelidikan yang sesuai diguna pakai oleh setiap golongan masyarakat.

**Untuk tempoh  
Jun hingga  
Disember  
2017, pihak  
TNCPI telah  
meluluskan 82  
permohonan  
dengan jumlah  
peruntukan  
berjumlah  
RM1.3 juta**

Jika sebelum ini UPM megah dengan penyelidikan *translational* yang menghasilkan PadiU Putra, E-Cutter, dan Sarawak Pepper Farm di UPM Bintulu, inisiatif merakyatkan inovasi terus diligatkan dengan usaha membangunkan Projek Kelapa Matag. Projek ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan bioteknologi dengan objektif utama untuk menghasilkan klon hibrid Matag secara tisu kultur. Projek ini dijangka akan membantu untuk memulihkan bekalan kelapa Matag yang rendah dan menghasilkan pendapatan yang lebih baik kepada petani dengan klon yang lebih murah. **Kita berharap projek Kelapa Matag ini akan berjalan dengan lancar dan mencapai matlamat yang dihasratkan.**







Seiring dengan visi UPM sebagai universiti bereputasi antarabangsa, inisiatif Keterlihatan dan Pengantarabangsaan (*Visibility and Internationalisation*) telah diperkenalkan oleh pihak pengurusan Pejabat TNCPi bagi membolehkan pegawai akademik UPM menjalani sangkutan penyelidikan di universiti terkemuka dunia. Objektif pelaksanaan Inisiatif Keterlihatan dan Pengantarabangsaan adalah bagi meningkatkan keterlihatan UPM di peringkat antarabangsa, meningkatkan kerjasama penyelidikan dengan pihak luar negara dan meningkatkan jumlah geran antarabangsa yang diperoleh UPM. Untuk tempoh Jun hingga Disember 2017, pihak TNCPi telah meluluskan 82 permohonan dengan jumlah peruntukan berjumlah RM1.3 juta. Justeru, untuk tahun 2018, Penjenamaan daripada Dana Keterlihatan dan Pengantarabangsaan kepada **Skim Kecemerlangan Penyelidik 2018 akan dijayakan**. Ini akan membantu UPM melebarkan jaringan dan kerjasama penyelidikan dengan universiti terkemuka dunia, terutamanya yang berkedudukan 200 teratas dalam *QS World University Ranking* seperti Cambridge University, Oxford University, Cornell University, dan National University of Singapore (NUS).


Sejajar dengan tema perutusan kali ini yang memberi fokus kepada kesejahteraan, **UPM telah mengambil pendekatan dengan memperkenalkan geran penyelidikan isu semasa UPM.** Geran ini bertujuan menggalakkan penglibatan semua warga UPM, sama ada staf akademik atau bukan akademik dalam menjalankan penyelidikan membantu UPM menyelesaikan masalah semasa yang dihadapi oleh warga UPM. Ini sekali gus menjadikan mereka lebih prihatin dan berkongsi semangat kekitaan mencari jalan penyelesaian yang inovatif ke arah kesejahteraan kampus. Sehingga 30 November 2017, pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) telah menerima sebanyak 18 cadangan isu semasa UPM untuk dipertimbangkan.



Saya berharap penyelidikan isu semasa ini dapat dijayakan oleh semua warga UPM. Hal ini kerana ia bukan sahaja dapat menyuburkan budaya penyelidikan secara inklusif tetapi hasil penyelidikan tersebut berupaya meningkatkan tahap kesejahteraan warga UPM. **Walau bagaimanapun, saya mencadangkan agar skop penyelidikan isu semasa ini boleh dikembangkan, iaitu bukan sahaja menyentuh aspek fizikal kampus, tetapi soal nilai dan budaya kerja yang boleh meningkatkan lagi tahap integriti dan prestasi warga UPM.**

Semua sedia maklum bahawa **Putra Research and Innovation Management System (PRIMS)** telah dilancarkan pada 16 Oktober 2017 sebagai platform menilai pencapaian pensyarah dalam penyelidikan dan inovasi. Empat modul PRIMS yang diguna pakai pada 2017 adalah Profil Akademik, Geran Penyelidikan, Penerbitan dan e-LPPT. Pada tahun ini, PRIMS akan dikembangkan penggunaannya untuk permohonan, penilaian

dan pemantauan Geran Putra. Ini akan menjadikan PRIMS sebagai portal sehati untuk input dan output penyelidikan, bukan sahaja untuk tujuan penilaian prestasi tahunan, tetapi sistem pengurusan Geran Putra. Input daripada pensyarah melalui PRIMS akan digunakan oleh RMC untuk pengumpulan data kepada PTJ dan seterusnya untuk data MyRA UPM.



Putra Science Park akan terus konsisten dalam memastikan UPM sentiasa di hadapan dalam penghasilan inovasi berimpak tinggi. Pengurusan harta intelek yang cekap serta pelaksanaan pemindahan teknologi yang efisien menjadikan UPM sebagai tumpuan pelbagai syarikat dalam dan luar negara untuk melesen harta intelek dan seterusnya mendapatkan pemindahan teknologi daripada UPM untuk dibangunkan menjadi produk

komersil. Pada masa yang sama, **Sidang Media Putra Cipta** serta **Innovation Open Day (IOD)** menjadi platform utama untuk mempromosi inovasi berimpak tinggi di UPM kepada pihak syarikat, rakan strategik serta pelabur dan pemberi dana. Pelbagai siri *roadshow* dan klinik IP terus dijalankan untuk meningkatkan tahap pengetahuan warga UPM berkenaan inovasi, perlindungan dan pengkomersilan harta intelek.



Pada tahun ini, pengurusan harta intelek akan dimantapkan lagi dengan UPMIP 2.0, apabila penyelidik akan mendapat maklumat berterusan tentang status permohonan perlindungan IP mereka. Program Next2U di Putra Science Park melibatkan pakej pelbagai tawaran turut akan disediakan untuk pihak

industri bekerjasama membangunkan inovasi dan teknologi UPM kepada produk berskala komersil untuk manfaat rakyat dan negara. Pengurusan pemindahan teknologi serta khidmat pemantauan pascapelepasan akan memastikan pelan pemindahan teknologi menepati strategi yang digariskan.



Program eDU-PARK®, UPM telah menjana pendapatan bersih sebanyak RM62 ribu dengan bilangan pengunjung seramai hampir 20,000 orang bagi tahun 2017, melibatkan lapan lokasi eDU-PARK® (Muzium Anatomi Haiwan, Muzium Anatomi Manusia, Muzium Warisan Melayu, Galeri Serdang, Taman Konservatori, Pusat Ekuin, Ladang Rusa, dan Ladang Tenusu Putra). Pengunjung juga terdiri daripada pelajar luar negara, termasuk daripada 19 universiti di Jepun. Bagi merencanakan lagi program ini, pembangunan lokasi dan modul eDU-PARK® 2.0 telah dikenal

pasti, iaitu Ladang 10 (Kem Pertanian), Muzium Patologi, Pet Garden, kelas memasak di L'Apprenti dan Modul Berbasikal. Satu tarikan baharu di Muzium Anatomi Haiwan adalah apabila UPM menerima hadiah ayam berekor panjang di dunia iaitu 'Onagadori' yang berasal dari Wilayah Kochi, Jepun sebagai simbol memperingati kerjasama strategik dengan Kyushu Economic Federation, Kyukeiren oleh Pengerusi Kyukeiren, Mr. Yutaka Aso.



Selain itu, eDU-PARK® telah membuka lembaran baharu dengan membangunkan modul eDU-PARK® luar kampus atas sokongan, pengiktirafan dan bantuan peruntukan daripada Tourism Pahang sebanyak RM57,800.00 yang merangkumi perancangan membangunkan modul, *pilot run* dan karnival promosi. Pembangunan modul edu-pelancongan ini turut disokong oleh Kerajaan Negeri Pahang dan ECER bagi menambah nilai kawasan Sg. Bebar, Runchang dan Nenasi di Pahang. Program yang diberi nama *Black Water Jewel Expedition* ini menekankan keistimewaan Sg. Bebar, iaitu merupakan sungai hitam di mana terdapatnya di kawasan paya gambut yang

mempunyai jajaran terpanjang di Asia Tenggara. Program ini melibatkan empat modul edu-pelancongan, iaitu flora dan fauna, akuatik dan bentik, hidrologi dan kajian Orang Asli. Adalah dijangkakan pendapatan Program eDU-PARK® pada tahun hadapan akan meningkat kepada RM100 ribu dengan pembangunan lokasi dan modul eDU-PARK® 2.0. eDU-PARK® juga telah berkolaborasi dengan program Adiwira STEM bersama KPM dan KRU Productions yang akan ditayang di TV3 pada 2018. Saya percaya, program khas ini akan berupaya melonjakkan lagi pemasaran dan keterlihatan eDU-PARK® kepada orang ramai.







# MENGASPIRASIKAN UPM KE ARAH KAMPUS PINTAR

Dalam usaha memanfaatkan penggunaan teknologi digital yang semakin radikal khususnya dalam konteks pembelajaran dan pengajaran, UPM berhasrat menjadi sebuah kampus pintar. Justeru, UPM akan terus mempergiat promosi dan penawaran serta mengoptimumkan penggunaan MOOC dalam kalangan pelajar. Sehingga kini, sebanyak 20 kursus MOOC telah dibangunkan dan dibuka untuk penawaran bermula tahun 2014. Peratusan pencapaian pelajar UPM yang mendaftar dalam PutraMOOC tahun 2017 pula adalah antara 75% hingga 100%. Sebagai contoh, kursus *Halal Food* telah dicapai oleh 100% pelajar manakala 98.2% pelajar bagi kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS). Tahniah saya ucapkan.



Bagi mendukung aspirasi UPM ke arah kampus pintar, inisiatif peruntukan geran bagi menyokong penyelidikan kolaborasi antara fakulti akan diperkenalkan. Hasil penyelidikan akan digunakan dan diadaptasi secara meluas di bilik kuliah bagi melahirkan *Future Proof Graduates* atau graduan kalis masa depan. Pusat Pembangunan Akademik (CADE) diberikan mandat untuk menerajui inisiatif ini. Fokus penyelidikan adalah seperti

pembangunan sistem yang menyokong *smart campus*, reka bentuk semula ruang pembelajaran (*learning space*), reka bentuk semula pembelajaran bagi *smart campus*, inovasi pembelajaran imersif maya/teradun/bersemuka, kurikulum transformatif ke arah pendidikan tinggi 4.0 dan *alternative assessment/authentic assessment* yang menyokong pembelajaran di *smart campus*.





Agenda UPM ke arah kampus pintar dalam menjayakan Pendidikan 4.0 sangat bergantung pada pembangunan fasiliti dan teknologi dalam kampus. Oleh itu, kampus perlu dilengkapi dengan kemudahan terkini seiring dengan perkembangan teknologi semasa dan bertaraf antarabangsa. **Paling asas, kemudahan wifi mestilah menyeluruh dan pada tahap terbaik. Selain itu, UPM akan terus komited melaksanakan *Putra Future Classroom* yang telah dimulakan oleh Fakulti Pengajian Pendidikan.** Projek seperti ini perlu juga dijayakan oleh fakulti lain. Antara fakulti yang telah dikenal pasti untuk membangunkan *Putra Future Classroom* bagi tahun 2018 adalah Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat.

Buat masa ini, terdapat banyak jenis sistem dalam talian yang perlu diakses dan digunakan. Sebagai contoh, pengurusan maklumat KPI pensyarah melibatkan penggunaan pelbagai sistem aplikasi yang berlainan menyebabkan kekeliruan dan kesukaran pensyarah untuk menyempurnakan urusan kemas kini dan kemasukan maklumat. Bagi 2018, **Ketua Pegawai Maklumat**

(CIO) dan iDEC dalam perancangan untuk membangunkan satu sistem dalam talian (*online*) yang *seamless, integrated, dan user-friendly* untuk kemasukan dan pengurusan bagi semua jenis data termasuklah sumber manusia, latihan, penyelidikan, pengajaran dan sebagainya. Sistem ini membolehkan warga UPM hanya perlu mengakses dan menggunakan satu sistem *online* sahaja bagi pengurusan semua jenis data yang ditarik dari pelbagai sistem sedia ada seperti sistem Maklumat Peribadi (SISMAN/HRM), Perjawatan (HRM), Pengajaran/Akademik (SMP/IGIMS/ PutraBlast), Penyelidikan dan Penerbitan (PRIMS), *Intellectual Properties* (UPMIP), Jaringan Industri dan Masyarakat (iCRIS) dan sebagainya. Saya percaya jika penyepaduan sistem ini terlaksana kelak, ia pasti akan melancarkan tugas warga universiti yang sekali gus meningkatkan tahap kesejahteraan pekerjaan mereka. Insyaa\_Allah.





# MENJAYAKAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN MELALUI KESERAKANAN

UPM telah menyahut saranan keserakanan demi kecemerlangan bersama melalui penubuhan jaringan kerjasama dengan universiti swasta berdekatan, iaitu Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur (IUKL). Satu Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Kebangsaan Malaysia, UPM, Universiti Sains Islam Malaysia, UNITEN, Universiti Kuala Lumpur, Kolej Universiti Antarabangsa INTI, Universiti Multimedia, IUKL dan Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya telah juga ditandatangani baru-baru ini.

**Bagi memastikan aktiviti yang telah dirancang tersebut dapat dilaksanakan dengan jayanya, ketiga-tiga pihak telah bersetuju untuk menandatangani satu lagi MoU antara UPM, UNITEN dan IUKL.**

Antara aktiviti kerjasama yang telah dikenal pasti adalah cadangan **penubuhan *United Postgraduate School***, **mobiliti staf dan pelajar**, **penganjuran sukan dan penganjuran bersama kursus secara *Massive Open Online Course (MOOC)***. Bagi memastikan aktiviti yang telah dirancang tersebut dapat dilaksanakan dengan jayanya, ketiga-tiga pihak telah bersetuju untuk menandatangani satu lagi MoU antara UPM, UNITEN dan IUKL. Cadangan MoU tersebut telah pun diperakukan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan dijangka akan ditandatangani pada awal 2018. Bagi pihak UPM, MoU tersebut akan diterajui oleh CADe.



Selain itu, agenda keserakanan diperkukuh lagi dengan **inisiatif *Borderless Campus*** apabila ia diperkenalkan. Melalui inisiatif ini, **dua perkara yang berpotensi untuk dilaksanakan adalah *Academic Code Sharing* dan mobiliti pelajar serta pensyarah dengan universiti swasta berdekatan** khususnya UNITEN dan IUKL. Melalui *Academic Code Sharing*, pelajar UPM, UNITEN dan IUKL yang berdaftar untuk satu-satu kod pengajian boleh menghadiri kuliah sama ada di UPM, UNITEN dan IUKL. Pensyarah yang mengajar kursus yang sama juga boleh mengajar sama

ada di UPM, UNITEN dan IUKL. Bahagian Kemasukan dan Urus Tadbir Akademik akan mengenal pasti kursus prasiswazah yang bersesuaian yang turut ditawarkan di UNITEN dan IUKL bagi projek ini seperti kursus dalam bidang sains komputer dan teknologi maklumat. Impak inisiatif ini sangat besar apabila lebih ramai pelajar berdaftar di UPM, selain mempromosi program akademik UPM ke peringkat global yang juga menarik lebih ramai kehadiran pelajar antarabangsa khususnya ke UPM.









# MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN KEHIDUPAN PELAJAR

Keberadaan pelajar di kampus perlu disokong dengan pengalaman pembelajaran yang sejahtera. Tidak dinafikan, kehidupan pelajar yang sejahtera akan membantu proses pembelajaran mereka. Dalam hal ini, UPM sentiasa mencari formula untuk memastikan tahap kesejahteraan pelajar berada pada tahap terbaik. Pada tahun ini, UPM melalui Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) akan memperkemas perkhidmatan kebajikan pelajar dengan menambah jumlah penajaan pengajian dan Tabung Kebajikan Pelajar. Sebelum ini, enam penaja baharu telah menyumbang kepada UPM dengan nilai berjumlah RM657,784.00. Manakala, 150 orang pelajar telah dibantu menggunakan Tabung Kebajikan Pelajar dengan jumlah bantuan sebanyak RM54,300.00.

## Sehubungan dengan itu, kemahiran kehidupan pelajar akan terus digarap dan ditajamkan melalui inisiatif 'Putra Kehidupan'.

Bagi memastikan kesejahteraan pelajar, khususnya pelajar asnaf, Universiti melalui program Rakan Bakti Putra (RBP) telah mewujudkan peluang pekerjaan dan aktiviti yang bersesuaian secara dalaman untuk diserahkan kepada pelajar. Program ini, selain memberi peluang menambah pendapatan, ia juga dapat menyemai budaya berinisiatif, berdikari, dan sentiasa berbakti. Bermula dengan penglibatan hanya tujuh orang pelajar pada 2014, kini penglibatannya telah berjumlah hampir 500 orang dengan jumlah bayaran RM300 ribu telah dilaksanakan. Alhamdulillah.

Bagi memudahkan interaksi dan komunikasi pelajar, HEPA sedang membangunkan aplikasi peranti mudah alih, iaitu *Apps Thinking of You*. Selain itu, usaha memperkukuh aktiviti pembinaan sahsiah pelajar akan terus digiatkan. Dalam hal ini, HEPA akan memperkenalkan inisiatif 'Putra Ikon' untuk meningkatkan jaringan kerjasama dengan syarikat dan agensi berkaitan, memperkayakan nilai-nilai tradisi melalui aktiviti kebudayaan, menjadikan aktiviti sukan dan rekreasi sebagai gaya hidup sihat, memperkukuh sahsiah sendiri dan membuka ruang dan peluang kepada pelajar untuk mengasah bakat berkomunikasi.



Pelajar adalah pemimpin masa hadapan. Sehubungan dengan itu, **kemahiran kehidupan pelajar akan terus digarap dan ditajamkan melalui inisiatif 'Putra Ikon'**. Inisiatif ini akan mempelbagai dan memperkasakan aktiviti pelajar yang berteraskan kesukarelawanan dengan masyarakat untuk meningkatkan nilai ihsan, membina personaliti unggul dan membentuk minda kelas pertama melalui pengantarabangsaan pelajar dan meningkatkan jati diri pelajar serta perpaduan melalui penglibatan program berteraskan elemen kenegaraan dan patriotisme.

Usaha menjadikan kolej kediaman sebagai pusat pembelajaran kedua akan terus dijayakan. Usaha ini mendapat sokongan padu oleh HEPA dan pengurusan kolej kediaman. Untuk makluman semua, sebanyak 35% daripada 462 aktiviti kokurikulum tidak berkredit telah dianjurkan oleh kolej kediaman pada tahun lalu. Selain itu, penglibatan kolej dalam meningkatkan pengalaman dan pendedahan pelajar pada peringkat antarabangsa pada 2017 menyaksikan sebanyak 618 pelajar terlibat dalam program *outbound* di luar negara, dan berjaya menarik sebanyak 266 pelajar luar negara mengikuti *inbound* di UPM. Saya berharap pencapaian ini dapat ditingkatkan sebanyak 30% pertambahan penyertaan pelajar yang akan mengikuti program *outbound* dan *inbound* pada tahun 2018. Selain itu, usaha memperluaskan aktiviti jaringan syarikat untuk latihan industri yang diharapkan dapat memberi peluang pekerjaan terus kepada pelajar akan terus diperkukuhkan, bagi meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan (*Graduate Employability*), iaitu di mana pada tahun 2017 UPM mencapai 85.10%.







# MENGARUS PERDANA JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT

Seiring dengan moto UPM, “Berilmu Berbakti”, jaringan industri dan masyarakat diperkukuhkan lagi dengan rombakan strategik dan penyusunan semula peranan dan tanggungjawab akademia dengan industri. Pelbagai inisiatif diterbitkan daripada 10 lonjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) 2015-2025 yang menjadi paksi kepada kelestarian hubungan dinamik di antara universiti, kerajaan, industri dan masyarakat (*Quadruple Helix Engagement Model*). Konsep “*Industry and academia is one*” akan merancakkan lagi kolaborasi antara UPM dengan rakan industri melalui program *CEO@Faculty 2.0*, iaitu di mana struktur kerjasama diolah dengan pegawai akademik dipilih dan dilantik sebagai felo untuk sangkutan bersama industri. Program yang memberi impak dan manfaat kepada kedua-dua industri dan universiti ini turut disertai oleh seramai 10 orang felo daripada UPM.

**UCTC terus menyediakan ekosistem yang kondusif bagi menggalakkan PTJ terlibat secara aktif dalam program pemindahan ilmu dan teknologi bertahap tinggi menerusi inisiatif '1PTJ1IMPAK'.**

Seiring dengan aspirasi UPM dalam memperkasakan jaringan komuniti pula, Pusat Transformasi Universiti Komuniti (UCTC) terus mempergiatkan penglibatan perkongsian strategik yang mampan bersama agensi dan industri, memfokuskan pembangunan komuniti agrotani negara menerusi program **PUTRA@KOMUNITI**. UCTC terus menyediakan ekosistem yang kondusif bagi menggalakkan PTJ terlibat secara aktif dalam program pemindahan ilmu dan teknologi bertahap tinggi menerusi inisiatif '**1PTJ1IMPAK**'. Pendekatan NBOS yang memainkan peranan dalam usaha menangani permasalahan sosial diterapkan dalam setiap program di mana fokus kepada tujuh kluster komuniti penerima manfaat pemindahan ilmu dilaksanakan secara komprehensif.

Bersesuaian dengan hasrat menjadikan UPM sebagai universiti cemerlang dalam pertanian atau agrobio, agen pengembangan akan menyemarakkan aktiviti pengembangan dan latihan



professional serta keusahawanan di dalam dan luar negara berlandaskan kebitaraan khusus dalam pertanian, penternakan, akuakultur dan projek hiliran. Aktiviti latihan profesional akan melibatkan lebih banyak negara luar serta mempertingkatkan pemindahan ilmu untuk dipraktikkan dalam pembangunan komuniti setempat mereka.

Pusat Hubungan Jaringan Industri (CIRNeT) pula telah merancang untuk melonjakkan lagi komponen *Industry-In-Campus*. Ekoran daripada itu, **Penta Helix Engagement Model** diperkenalkan, yang mana ia melibatkan hubungan kerjasama yang erat, kukuh dan sinergistik antara **akademia, industri, komuniti, kerajaan dan pemberi dana (*philanthropist*)** yang akan memacu transformasi pendidikan tinggi Malaysia ke arah kegemilangan dan kecemerlangan khususnya bagi UPM. Sebagai contoh, baru-baru ini Tan Sri Syed Azman Syed Ibrahim, Pengarah Urusan The Weststar Group telah menandatangani satu memorandum perjanjian pemberian dana endowmen yang bernilai RM1 juta kepada UPM. Sumbangan ini adalah sumbangan peribadi beliau, bertujuan untuk memperkasakan kerjasama serta meningkatkan potensi dan inovasi terutama dalam bidang Kejuruteraan Aeroangkasa. Selain itu, UPM telah memperkenalkan *Industry Centre of Excellence (ICoE)* yang menyediakan ekosistem pengajaran dan pembelajaran secara komprehensif yang dapat membuka peluang kepada *'unlocking assets'* bagi tujuan **kelestarian pendanaan universiti**. Inisiatif ini adalah seiring dengan usaha merealisasikan **dunia akademia dan industri tanpa sempadan**.









# MENGUPAYAKAN PERANAN DAN SUMBANGAN UPM KAMPUS BINTULU

Setiap tahun UPM tidak pernah melupakan kampusnya di Bintulu sebagai pusat ilmu yang berpotensi. Kedudukan UPMKB yang strategik amat bertepatan berperanan sebagai pemangkin kepada pembangunan dan kemajuan Sarawak menerusi peranannya sebagai destinasi pendidikan dan penyelidikan dan pembangunan. Pada kesempatan ini, UPM ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak atas sokongan yang berterusan terhadap UPMKB sehingga ke hari ini. Untuk makluman semua, UPMKB telah digerakkan semula pada 2001 dengan membawa misi untuk menjadi pusat pendidikan tinggi wilayah penting yang memberi sumbangan kepada pembangunan persekitaran intelektual, sumber tenaga dan sosioekonomi Bintulu khususnya dan negeri Sarawak amnya. Misi ini akan diteruskan dan ditambah baik sejajar dengan perkembangan semasa Universiti.



Transformasi UPM Kampus Bintulu akan dijayakan pada tahun ini dan dijangka dalam tempoh dua tahun, warga UPM kampus Bintulu akan dapat melihat secara berfasa kemajuan yang digerakkan. Kita akan pastikan kebajikan dan kemajuan kerjaya pegawai di Bintulu akan seiring dengan yang dilaksanakan di Serdang. Saya juga telah mengadakan sesi perjumpaan dengan pelajar, staf akademik dan pengurusan serta pegawai sokongan bagi menjelaskan hasrat ini dan saya percaya dengan komitmen dan permuafakatan semua warga universiti, kita akan berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan. Sumbangan dan peranan UPMKB akan diperluas untuk membantu mengukuhkan perkembangan dan kemajuan negeri Sarawak secara keseluruhannya. Sebagai fasa pertama transformasi UPMKB akan dimulakan dengan penubuhan dua fakulti, iaitu Fakulti Pertanian, Sains & Teknologi, dan Fakulti Sains Sosial & Pengurusan. Sebanyak 16 program baharu yang relevan akan diperkenalkan secara berperingkat.



Pada masa yang sama, usaha penambahbaikan terutama dalam kecemerlangan pembelajaran dan pengajaran serta penyelidikan akan terus digiatkan. **Antara inisiatif yang akan diperkenalkan adalah memendekkan tempoh pengajian program diploma daripada tiga tahun kepada dua tahun.** Program yang terlibat pada sesi kemasukan 2018/2019 adalah Diploma Pertanian, Diploma Perhutanan, Diploma Perikanan dan Diploma Pengurusan Peladangan Makanan. Inisiatif ini akan meningkatkan jumlah graduan melalui tempoh masa yang lebih pendek.

Dalam usaha memperkukuh sumbangan UPMKB sebagai pusat penyelidikan, **penubuhan Pusat Kecemerlangan Industri UPM-FarmFresh di UPMKB akan diusahakan.** Pusat yang bakal dibangunkan seluas 65 hektar tanah ini akan menjadi ruang dalam pembentukan kurikulum pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan tempat latihan pelajar serta kakitangan universiti dalam bidang ternakan dan tenusu. Selain itu, pembangunan pusat hab lada terkemuka di Malaysia "*Putra Sarawak Pepper Farm*" akan dijayakan. Pusat seluas 25 hektar ini berupaya membantu membangunkan industri lada di Malaysia melalui aktiviti penyelidikan, latihan komuniti dan usaha niaga komersil berasaskan lada. Saya berharap kedua-dua pembangunan pusat kecemerlangan penyelidikan ini dapat direalisasikan dalam masa terdekat demi kesejahteraan masyarakat.

Selain itu, dalam usaha membangunkan persekitaran lebih kondusif untuk UPMKB, projek pembinaan laluan pejalan kaki berbumbung di UPMKB yang bermula pada April 2017 yang lepas, telah pun siap untuk digunakan lebih awal daripada perancangan iaitu pada Ogos 2017. Dengan jarak 691 meter yang menyambungkan laluan dari Kolej Sri Rajang hingga ke Bangunan Pentadbiran, UPMKB, ia telah menjadi satu lagi aspirasi usaha universiti dalam memberi kemudahan kepada semua warga kampus melaksanakan aktiviti harian tanpa rasa risau tentang hujan atau cuaca panas terutamanya bagi pelajar semasa pergi dan balik kuliah. Selain itu, UPMKB turut

mendapat bas baharu yang disediakan oleh UPM Holdings bagi menggantikan bas yang telah dilupuskan untuk tujuan membawa pelajar menjalankan aktiviti. Universiti juga akan terus menambah baik dan meningkatkan kemudahan di UPMKB bagi menjadikan persekitaran universiti yang lebih kondusif dan menceriakan suasana kampus.







# MEMPERHEBAT POTENSI DAN BAKAT

Potensi dan bakat warga UPM menjadi katalis dan penggerak kejayaan UPM selama ini. Justeru, kita perlu sentiasa memperhebat potensi dan bakat ini agar potensi dan bakat sebenar warga UPM dapat diserlahkan lagi untuk kecemerlangan universiti. Selain mempergiat Laluan Kerjaya Akademik yang akan dimulakan dalam masa terdekat, **kemajuan kerjaya Laluan Secara Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert-SME*)** bagi Kumpulan P&P (Bukan Akademik) turut akan diperkenalkan.



## Potensi dan bakat warga UPM menjadi katalis dan penggerak kejayaan UPM

Pelan Formulasi Penyusunan Staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) dan Kumpulan Pelaksana turut akan dilaksanakan. Pelan ini bertujuan memastikan integriti perjawatan dan mewujudkan penggunaan sumber manusia yang optimum berdasarkan saiz yang betul (*Right Sizing*) kepada PTJ. Pada masa yang sama, pelaksanaan **Projek Transformasi Aplikasi Sumber Manusia (HRT)** UPM turut



dijayakan bagi membolehkan perancangan tenaga kerja dan penentuan saiz sumber manusia yang berkesan di UPM melalui maklumat pengurusan sumber manusia dan meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dalam urusan tadbir urus sumber manusia. Selain itu, usaha mengemas kini dan memantapkan Deskripsi Tugas setiap jawatan di UPM dengan mewujudkan elemen *multi-tasking* dan *multi-skilling*. UPM juga akan memastikan peruntukan latihan yang bersesuaian bagi memastikan semua peringkat staf, sama ada akademik dan bukan akademik mendapat pendedahan dan pengetahuan yang bersesuaian dengan perkembangan teknologi semasa.



Mulai 2018, **Program AKEPT-UPM Strategic Leadership Coaching for University Leaders** akan dilaksanakan. Dalam hal ini, UPM akan bertindak sebagai rakan strategik melalui Pejabat Pendaftar dan AKEPT dalam program pementapan kepemimpinan institusi dengan bimbingan institusi bersama bimbingan daripada *Lead Coach* yang telah dilantik oleh AKEPT untuk tempoh 12 bulan bermula Januari 2018. Bidang yang akan dibimbing oleh *Lead Coach*, yang disediakan pihak AKEPT adalah Penjanaan dan Kepemimpinan. Pejabat Pendaftar akan diberikan sejumlah dana bagi tujuan pelaksanaan program tersebut dan antara matlamat pelaksanaan ialah pemerksaan kepimpinan institusi dalam mendukung kecemerlangan universiti dan pengenalpastian bakat yang berpotensi sebagai pelapis kepimpinan institusi pendidikan tinggi.










# TRANSFORMASI UPM MELANGKAUI 2025

---

Kecemerlangan UPM selama ini adalah berpandu kepada perancangan dalam pelan strategik universiti. Sejalan dengan kerancangan dan kepesatan teknologi yang diperkukuhkan tuntutan model pendanaan universiti yang baharu, UPM turut merangka strategi untuk mentransformasi pengurusan universiti melangkaui tahun 2025. Pelan ini dinamakan sebagai Pelan Transformasi UPM Melangkaui 2025. Ia adalah tuntutan yang besar dan mempunyai impak jangka panjang yang amat relevan dengan keberadaan universiti di Serdang dan Bintulu, serta kedudukan Malaysia sebagai hab pendidikan utama di rantau Asia.

Sejajar dengan konsep autonomi dan model pengurusan yang lebih dinamik, pengurusan universiti melihat transformasi universiti adalah satu kemestian yang tiada pilihan selain daripada menjayakan dengan cara yang terbaik. Ia merangkumi kelestarian kolaborasi universiti-komuniti, universiti-industri, universiti dan pihak berkepentingan (*stake holders*) secara komprehensif dan mapan. Pelan ini turut mengambil perhatian terhadap Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi (2025), konsep merekayasa Pendidikan Tinggi; keanjalan industri 4.0 dan yang paling utama tanpa mengeneipkan aspek kemanusiaan dan nilai yang akan terus diperkasakan.

Dalam pelan transformasi ini, terdapat lima cadangan awal yang akan dapat dilihat dan direalisasikan menjelang tahun 2025 di kampus UPM, iaitu, **pertama, melahirkan graduan 'Kalis Masa Depan' (*Future Proof Graduates*)** yang dinamik dan mempunyai ketahanan yang sesuai dengan zaman dan cabaran masa kini; **kedua, membina persekitaran pendidikan yang mesra alam (*Eco-educity*)** yang berupaya meningkatkan kualiti kehidupan di samping kerjasama erat dengan industri bagi membina masa depan yang maju; **ketiga, melestari dan merealisasikan Serdang Agripolis**, dalam mendepani pendidikan pertanian dan sekuriti makanan, meraikan keserakanan dan permuafakatan dengan institusi di Serdang; **keempat, membangunkan 'Penjana Penyelesaian' (*Solution Powerhouse*)** kepada permasalahan yang bersifat tempatan dan antarabangsa, sejajar dengan inovasi dan teknologi terbaharu yang berpusatkan pendidikan tinggi *Think Local Act Global* dan **kelima, mewujudkan Lembah Inovasi atau *Innovation Valley*** yang menjadi tumpuan inovasi, teknologi terkini dan budaya kreativiti yang menjadi katalis kepada penjaanan kekayaan dan harta intelek universiti dan negara.



Ini adalah antara keberhasilan kepada cadangan transformasi yang bakal distrategikan untuk tempoh 10-15 tahun yang akan datang. **Turut menjadi keutamaan adalah usaha penambahbaikan berterusan, inovasi dan model pengurusan baharu yang menyokong kepada keberhasilan yang saya nyatakan di atas.** Ini termasuk kewajipan universiti untuk menambah baik asas tunjang melibatkan pengurusan bakat dan kepelbagaian sumber, termasuk info dan infrastruktur, model operasi yang terkini dan efektif serta perubahan yang berupaya meningkatkan produktiviti universiti secara keseluruhan. Kesarjanaan dan kecemerlangan UPM baik dari aspek penyelidikan, akademik mahupun tadbir urus perlu dilonjakkan ke tahap yang lebih baik bagi manfaat kepada masyarakat dan negara.

**Kecemerlangan UPM selama ini adalah berpandu kepada perancangan dalam pelan strategik universiti.**





Bagi menjayakan semua pelan transformasi, ketepatan membuat jangkaan dengan tadbir urus yang cemerlang sangatlah penting. Perubahan persekitaran dan cabaran dalam organisasi perlu ditangani dengan berkesan. Pejabat Pendaftar sedang memperhalusi bagaimana beban kerja dapat dikurangkan tetapi efisiensi dan kualiti kerja terus meningkat. Ini termasuk mencipta struktur governan yang boleh meyakinkan pemegang taruh untuk meneruskan kecemerlangan dan kejayaan. Untuk

tahun 2018, Pejabat Pendaftar telah membangunkan projek formulasi staf untuk meneliti keperluan sebenar staf selaras dengan peranan sesebuah PTJ, menyusun semula strategi untuk pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI) dan *Key Intangible Performance* (KIP) yang lebih tinggi, membangunkan bakat secara lebih agresif dan melatih kepelbagaian kemahiran untuk menambah nilai.



Saya percaya demi kebaikan kita bersama, pelan transformasi ini perlulah bersifat demokratik dan inklusif. Ini bermakna pembangunan pelan ini perlu mendapat restu dan input daripada semua pihak. Justeru, pada hari ini, **satu platform telah disediakan bagi semua warga UPM untuk menyatakan aspirasi dan idea bagi memantapkan lagi draf akhir pelan**

**transformasi.** Saya yakin melalui penglibatan tuan-tuan dan puan-puan dalam menyumbang idea bernas bagi pengisian pelan transformasi ini, bakal menjadikan ia satu pelan transformasi yang kita sama-sama wariskan kepada generasi yang akan datang, dan insya\_Allah sama-sama kita berdoa apa yang dihasratkan akan menjadi kenyataan yang cemerlang.





# MEMANFAATKAN KEPERKASAAN ALUMNI SEBAGAI KEKUATAN UPM

Sehingga 31 Disember 2017, UPM berjaya merekodkan sebanyak 108,390 jumlah alumni di dalam Alumni Information System (AIS). Dalam usaha untuk memanfaatkan alumni UPM, jumlah ini akan ditingkatkan sebanyak 10% pada akhir tahun 2018 melalui beberapa program yang telah dikenal pasti seperti *Pak Rashid Public Lecture*, *Alumni Sharing Knowledge* (ASK), *Teh Tarik Usahawan Alumni UPM*, *Showcase Jalinan Alumni*, *Fitness Vibes Alumni* (FiVA), *Majlis Homecoming*, dan meningkatkan jaringan dengan alumni industri.

## Kekuatan UPM terletak juga kepada alumni yang setia memberi sumbangan kepada alma maternya.

Selain itu, beberapa usaha akan dipergiatkan bagi menjana kewangan melalui sumbangan alumni kepada alma mater melalui '**Alumni Passion & Compassion Initiatives**', satu jenama yang bertujuan memperuntukkan biasiswa/bantuan insaniah kepada pelajar kurang mampu, bantuan permulaan pendidikan dan memberi hadiah/anugerah kecemerlangan akademik kepada pelajar. UPM juga akan memperkenalkan ikon dalam kalangan Duta Alumni UPM bagi membantu keterlihatan universiti di dalam dan luar negara.

Jumlah yang disasarkan pada tahun ini bernilai RM5 juta mampu menyediakan pendidikan percuma kepada pelajar UPM yang memerlukan. Bagi mencapai hasrat tersebut, jalinan kerjasama yang erat bersama Persatuan Alumni UPM perlu terus diperkasakan agar dapat meningkatkan *sense of belonging* alumni UPM dengan satu semangat *camaraderie* antara Pusat Alumni dan Persatuan Alumni UPM yang saling melengkapi dalam usaha menyuburkan lagi budaya ikatan antara alumni.











# MENYEJAHTERAKAN WARGA UPM

Kajian UPM *Happiness Index* (UPMHI) yang dikendalikan oleh para penyelidik Institut Pengajian Sains Sosial pada 2017 telah menunjukkan secara umumnya, indeks kegembiraan keseluruhan staf UPM telah meningkat dan berada pada paras 77.98% dan ia menunjukkan bahawa tahap kegembiraan staf UPM berada di tahap agak gembira. Hasil kajian menunjukkan bahawa staf Pelaksana mengungguli dari segi skor indeks dengan mata sebanyak 80.56%, diikuti oleh staf P&P Bukan Akademik (79.96%) dan akhir sekali staf P&P Akademik sebanyak 74.06%. Kegembiraan staf UPM ditunjangi kekuatan mereka dalam dua domain utama iaitu Imej dan Reputasi dan Organisasi Berkembang. Namun begitu, terdapat ruang penambahbaikan bagi 17 domain kegembiraan iaitu Pembangunan Kerjaya, Urus Tadbir, Kemudahan Infrastruktur, Beban Kerja, Kemudahan Infostruktur, Komunikasi, Penghayatan Kerja, Jaringan, Gaji/Insentif, Kebajikan Pekerja, Kepakaran, Ekosistem Kerja, Sifat Kerja, Keseimbangan Keluarga-Kerja, Sikap, Lokasi dan Etika Kerja.

**Kumpulan Pelaksana pula menunjukkan indeks kegembiraan 80.56% dan ia menunjukkan bahawa kumpulan ini berada di tahap yang gembira.**

Bagi kumpulan akademik, indeks kegembiraan yang dicapai adalah 74.05% menunjukkan kumpulan ini berada di tahap agak gembira. Tiga domain yang menyumbang skor tertinggi kepada kegembiraan kumpulan staf akademik di UPM adalah Imej dan Reputasi, Sifat Kerja dan Organisasi Berkembang manakala tiga domain kegembiraan yang mencatatkan min skor terendah ialah Kemudahan Infostruktur, Kemudahan Infrastruktur dan Urus Tadbir. Dalam konteks kegembiraan kumpulan bukan akademik, indeks skor mencatatkan skor 79.96% (agak gembira). Kegembiraan kumpulan ini disumbangkan tiga domain utama iaitu Imej dan Reputasi, Etika Kerja dan Organisasi Berkembang. Tiga domain kegembiraan yang mencatatkan skor terendah ialah Pembangunan Kerjaya, Beban Kerja dan Urus Tadbir. Kumpulan Pelaksana pula menunjukkan indeks kegembiraan 80.56% dan ia menunjukkan bahawa kumpulan ini berada di tahap yang gembira. Kegembiraan mereka ditunjangi tiga domain utama iaitu Imej dan Reputasi, Organisasi Berkembang dan Etika Kerja. Analisis juga menunjukkan tiga domain yang mencatatkan min skor terendah iaitu Pembangunan Kerjaya, Urus Tadbir dan Beban Kerja.





Dapatan indeks ini akan digunakan untuk penambahbaikan domain skor yang rendah supaya dapat dipertingkatkan pada masa hadapan, kerana apabila warga UPM bersemangat untuk melaksanakan matlamat, ia akan memberikan suntikan rasa bahagia untuk mengatasi kekangan yang timbul. Orang yang

bahagia akan menjadi lebih produktif dengan semangatnya sendiri, dan persekitaran. Pihak Pengurusan akan sentiasa meneliti hal kebajikan warganya, dan Pejabat Pendaftar dipertanggungjawabkan untuk mengambil tindakan bagi memenuhi keperluan ini.

Hospital Pengajaran UPM yang dijangka siap Disember tahun ini diharap akan dapat membantu universiti meningkatkan tahap kesejahteraan dan kebahagiaan warga UPM dan masyarakat secara keseluruhannya. Bagi Hospital Pengajaran, falsafah, tadbir urus dan *core business* hospital tersebut akan menjurus kepada pengajaran dan pembelajaran, selain memperkukuh nic penyelidikan dan inovasi, dan memperkasa program pengajian siswazah dalam bidang perubatan dan sains kesihatan. Hospital ini akan berupaya memberi perkhidmatan kesihatan terbaik kepada warga UPM khususnya, dan dapat menjana doktor pakar dan subpakar yang secara langsung memberi khidmat yang lebih bermakna kepada rakyat.



Tidak lengkap jika saya tidak menyentuh sumbangan salah sebuah entiti yang berada dalam ekosistem universiti untuk sekian lama. Koperasi Universiti Putra Malaysia (KUPUTRA) telah mula beroperasi sejak 1976. Ia tertubuh atas rasa muafakat dan semangat kekitaan dalam kalangan warga universiti, di mana merupakan antara koperasi terawal yang membuka keanggotaan kepada staf, dan pelajar universiti bagi menjaga kepentingan bersama. Koperasi memberikan sokongan yang amat bermakna kepada kecemerlangan universiti di samping turut mengambil berat terhadap kebajikan ahli serta warga universiti. Sebagai contoh antara sumbangan KUPUTRA adalah dalam menjayakan hasrat 'Kampus Berbasikal' di mana Koperasi menyediakan skim milikan basikal yang kompetitif kepada warga UPM untuk beriadah, dan mengekalkan indeks kehijauan Kampus Hijau. Selain itu, salah satu tanggungjawab sosial (CSR) KUPUTRA adalah menyediakan Taska dan Tadika untuk manfaat warga UPM. Jika diteliti, yuran yang dikenakan tidak mahal, berbanding dengan kadar pasaran. Ia bukan sahaja di Kampus Serdang malah turut dilaksanakan di Kampus Bintulu. KUPUTRA turut melakar kecemerlangan tersendiri apabila memiliki jenama francais Hotel **Place2Stay@Mines** yang baharu sahaja beroperasi di hadapan Komuter Serdang. Warga UPM berasa bangga dengan kejayaan ini. Kejayaan ini bukan lahir secara begitu sahaja tanpa usaha gigih dan kerja keras dalam pengurusan KUPUTRA. Mereka telah mengharungi pelbagai cabaran dalam perniagaan dan berjaya mentransformasikan KUPUTRA ke kedudukan sekarang. Kesepakatan seumpama ini menunjukkan jika kita bersatu hati, memberikan kepercayaan yang tinggi, kita semua akan memperoleh manfaat bersama.









# TANGGUNGJAWAB SOSIAL DAN PEMBANGUNAN UPM HOLDINGS

---

Selain memperkenalkan geran penyelidikan isu semasa di bawah RMC, bagi meningkatkan tahap kesejahteraan warga UPM, beberapa inisiatif baharu berbentuk tanggungjawab sosial turut diperkenalkan di bawah UPM Holdings. Pertama, melalui **pelaksanaan Pelan Kasih UPM Holdings bagi membantu seluruh warga UPM**. Dalam hal ini, UPM Holdings telah memperuntukkan sebanyak RM200 ribu setahun bagi melaksanakan pelan ini yang bermula Januari 2017 lalu. Sehingga Disember 2017, sumbangan sebanyak RM80 ribu telah diberikan kepada pewaris/kakitangan UPM. Melalui pelaksanaan pelan ini, ia dapat menzahirkan tanggungjawab sosial UPM Holdings kepada warga UPM, khususnya memberi nilai kebajikan dan nilai tambah terhadap kebajikan pekerja.

UPM Holdings juga sedang giat menjayakan beberapa projek bagi menambah penjaan pendapatan UPM dan UPM Holdings. **Pertama, projek pembangunan kemudahan pelajar (Fasa 2 KMR) dengan menaik taraf dua lagi blok asrama pelajar sedang berjalan dan dijangka siap pada Jun 2018. Manakala Fasa 3 KMR akan dimulakan pada tahun ini juga dan dijangka siap sepenuhnya pada 2022.** Pembangunan kemudahan pelajar ini akan menyediakan kemudahan seperti hotel 3 bintang yang mempunyai lebih 100 bilik, apartmen dan soho (lebih 150 bilik), ruang pejabat, premis perniagaan dan kemudahan sukan. Projek ini dianggarkan berjumlah RM85.5 juta dan dijangka akan memberi pulangan perniagaan melebihi RM11 juta setahun.



**Kedua, projek Pembangunan Menara Jam UPM akan dimulakan dalam masa terdekat.** Projek yang dianggarkan bernilai RM2.5 juta ini akan dibangunkan di KMR OnePutra bermula dalam masa terdekat, dan dijangka siap pada Disember tahun ini juga. Projek Pembangunan Menara Jam ini akan mewujudkan bangunan warisan kepada UPM, meningkatkan nilai tambah, imej dan paparan unik dalam kampus. Ia juga akan menjadi daya tarikan kepada warga UPM dan komuniti serta pelawat ke UPM. Menara jam ini juga akan menempatkan Galeri UPM yang akan mempamerkan sejarah dan kejayaan UPM serta perkara berkaitan. **Ketiga, Projek UPM Park akan menjadi mercu tanda kepada UPM.** Projek ini terletak di pintu masuk UPM, bersebelahan lebuh raya PLUS. Pembangunan projek ini akan menyediakan kemudahan seperti RnR Hentian Serdang, stesyen minyak, pusat pembelajaran, kemudahan pelajar, premis perniagaan, pusat konvensyen dan kemudahan sukan. Kos pembangunan projek ini dianggarkan berjumlah RM500 juta dan akan memberi pulangan perniagaan melebihi RM50 juta setahun.



Asnaf 1 Ringgit | 1 Pelajar | 1 Bulan  
 AN  
 Wakaf Ilmu  
 Asnaf di Bumi Sakura  
 ian Usahasama Dana Wakaf Ilmu

- Ujana Kasih
- Tautan Ukhuwah
- Kembara WAZAN
- Zakat Anda, Untuk Asnaf
- Ziarah Ihsan Ramadan



**Pelancaran WAZAN DI HATI oleh YB Dato' Seri Idris Bin Jusoh MENTERI PENDIDIKAN TINGGI**

**WAZAN di HATI**

**Pelancaran WAZAN DI HATI**  
 • Persekitaran: Sekolah Menengah Selayang, Pejabat Pendidikan Daerah Seremban  
 • Waktu: 11.00 am - 12.00 pm, 12.00 pm - 1.00 pm, 1.00 pm - 2.00 pm

**AKTIVITI WAZAN DI HATI**

• Persembakan: "Baitul Hikmah" oleh Dato' Idris Bin Jusoh  
 • Persembakan: "Makam" oleh Dato' Idris Bin Jusoh  
 • Persembakan: "Makam" oleh Dato' Idris Bin Jusoh  
 • Persembakan: "Makam" oleh Dato' Idris Bin Jusoh



# STRATEGI PENJANAAN DAN PENJIMATAN UPM

Salah satu cabaran utama universiti adalah bagaimana menyediakan pelan penjanaaan pendapatan dan penjimatan yang strategik sebagai impak pengurangan kebergantungan daripada geran kerajaan. Dalam hal ini, UPM sentiasa berfikir dan merencana pelbagai strategi agar universiti mampu berdaya saing secara lestari. Pada 8 Januari lalu, pihak pengurusan UPM bersama Pegawai Kanan UPM telah mengadakan perbincangan bagi memperhalusi beberapa tindakan untuk menjayakan agenda kelestarian kewangan. Dalam konteks penjanaaan pendapatan, tiga mekanisme dikenal pasti, iaitu memperkenalkan **Dasar Penjanaaan Pendapatan Universiti (DPPU)** yang dijangka akan dimuktamadkan pada 1 April akan datang. **Dasar ini melibatkan empat asas utama** yang merangkumi **tujuh skop aktiviti penjanaaan**, kuasa dan had amaun aktiviti penjanaaan yang melibatkan pelaburan dan tanpa pelaburan, dasar kolaborasi bersama anak syarikat serta tadbir urus dan entiti yang terlibat. Pada masa yang sama, entiti khusus yang menyelaras aktiviti penjanaaan pendapatan akan diwujudkan agar ia dapat memberi lebih banyak fokus terhadap peranan yang diberikan. Insentif penjanaaan pendapatan turut akan diperkenalkan untuk menggalakkan usaha memperkukuh kelestarian kewangan universiti.

**Salah satu cabaran utama universiti adalah bagaimana menyediakan pelan penjanaaan pendapatan dan penjimatan yang strategik sebagai impak pengurangan kebergantungan daripada geran kerajaan.**

Selain penjanaaan pendapatan, aspek penjimatan turut menjadi fokus UPM dalam usaha mempergiat kelestarian kewangan universiti. Bagi tahun 2017, Pejabat Bursar telah berjaya memperoleh penjimatan berjumlah RM1.85 juta iaitu 92.5% daripada sasaran yang ditetapkan. Aktiviti penjimatan yang terlibat adalah berkaitan perkhidmatan bas, perolehan tiket secara *online*, penjimatan utiliti, dan menyebar luas pelaksanaan e-mesyuarat. Selain daripada itu, penjimatan ke atas kos perubatan turut direkodkan dengan jumlah RM980 ribu. Pusat Kesihatan Universiti (PKU) telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk mengurangkan kos perubatan yang ditanggung oleh universiti melalui gaya hidup sihat dan perolehan ubat-ubatan dengan lebih terancang. Bagi tahun 2018, portfolio penjimatan baharu akan ditambah dan dipelbagaikan melalui aktiviti pelaksanaan perolehan kertas dan bahan kimia melalui kontrak pusat dan lantikan panel syarikat, melaksanakan perkhidmatan pencucian dan pembersihan mengikut kluster, dan menyemak semula polisi/perjanjian yang mempunyai implikasi kewangan.



Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) akan terus diberikan tanggungjawab yang sangat besar dalam membantu kelestarian kewangan universiti. WAZAN telah diminta untuk mempergiat aktiviti endowmen dengan membantu setiap PTJ mengumpul dana endowmen serta menyasarkan setiap fakulti mencapai sebanyak RM1 juta setahun. Dalam hal ini, WAZAN diminta untuk menyediakan kit endowmen agar cara pelaksanaan dapat dihayati oleh warga UPM dengan lebih mudah lagi berkesan.

UPM sangat menggalakkan warganya dan alumni untuk terus memperkukuh amalan wakaf bagi kemaslahatan sejagat. **Dalam hal ini, UPM sangat teruja dengan pewujudan Wakaf Pak Ngah Atan. Untuk makluman semua, Wakaf Pak Ngah Atan akan diletakkan di bawah Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing™) UPM.** Wakaf Pak Ngah Atan adalah sebuah banglo satu tingkat yang terletak di Golf Height, Seremban, Negeri Sembilan. Banglo yang diberi nama “Teratak Pak Ngah Atan” merupakan milik bersama Dr. Hj. Hasnah Udin dan Allahyarham suami beliau, Abdul Rahman Yaakob, yang juga merupakan dekan pertama Fakulti Kejuruteraan UPM. Mereka telah berniat untuk mewakafkan kediaman tersebut kepada UPM bagi tujuan kebajikan warga emas.

Wakaf ini ditubuhkan untuk menyediakan perkhidmatan jagaan dan aktiviti warga emas secara harian. Banglo yang diwakafkan ini akan diubah suai kepada persekitaran yang mesra warga emas, termasuklah pilihan dan susun atur perabot, juga hiasan dalaman dan luaran. Menyediakan perkhidmatan berkualiti tinggi dengan menggunakan sistem teknologi terbantu, modul penjagaan yang ditawarkan adalah bersesuaian dengan warga emas yang akan menggalakkan cara hidup sihat, aktif dan gembira di usia emas. Apa yang pasti, penubuhan makmal ini juga akan mewujudkan satu platform untuk menjalankan penyelidikan warga emas dan penuaan melalui *translational research* yang lebih kondusif. Di samping itu, jaringan komuniti dengan masyarakat setempat dapat dipertingkatkan melalui perkhidmatan yang disediakan dengan melibatkan mereka dalam menjayakan aktiviti yang dijalankan. Melalui penubuhan makmal ini, adalah diharapkan ia dapat memberi manfaat kepada semua pihak dalam memacu ke arah kehidupan sejahtera.

Dalam hal berkaitan, UPM juga sedang menaik taraf Bangunan Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (IPPM) bagi menyediakan kemudahan dan infrastruktur yang lebih baik dan berkualiti. Naik taraf ini juga akan mewujudkan perkhidmatan sokongan dan persekitaran mesra warga emas yang membolehkan mereka tinggal dalam persekitaran yang lebih kondusif.







# PENUTUP

Universiti telah mencapai banyak kejayaan yang didukung oleh seluruh warganya. Untuk memastikan UPM terus cemerlang, adalah penting untuk seluruh warganya dan pihak berkepentingan menghayati nilai kesepunyaan UPM, iaitu kecemerlangan, kepelbagaian, kelestarian dan integriti serta nilai-nilai murni dan melihat hubungannya dengan kesejahteraan hidup. Ini kerana nilai adalah sesuatu yang dijadikan pedoman dalam mengenal pasti matlamat. Setiap nilai yang diamalkan dan dipegang oleh seseorang tersebut dipercayai dapat memberi manfaat kepada dirinya, dan akan memberikan kepuasan dan kegembiraan bagi dirinya. Nilai yang dipegang dan diamalkan akan menjadi panduan bagi kita untuk bertindak dalam apa jua yang ingin dilakukan dalam kehidupan harian, dan memberi impak terhadap kesejahteraan.

Dalam usaha kita memacu kecemerlangan UPM, kita tidak seharusnya melupakan matlamat akhir, iaitu kesejahteraan. Kecemerlangan kita tidak akan sempurna tanpa kesejahteraan. Apalah makna sebuah kejayaan dan pencapaian, jika ia tidak dapat mencapai makna kesejahteraan yang sebenar. Justeru, tema perutusan kali ini, iaitu **Ihsan dan Kesejahteraan Melangkaui 2025** amat relevan kerana ia membawa mesej yang sangat jelas untuk menyejahterakan warga UPM dan masyarakat secara keseluruhannya.

Hakikatnya, perutusan kali ini juga sebenarnya berkongsi aspirasi dengan mesej kemanusiaan dalam Amanat Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi bulan lalu, yang sangat berkait rapat dengan kesejahteraan. Kita percaya bahawa, meskipun penggunaan teknologi semakin menguasai kehidupan manusia, ia tidak wajar menghilangkan nilai kemanusiaan sesama insan. Sebaliknya, kita perlu memanfaatkan penggunaan teknologi untuk kesejahteraan kehidupan. Misalnya, melalui penggunaan teknologi, kerja kita dapat disiapkan dalam tempoh masa yang lebih cepat, dan dengan itu, kita boleh mempunyai masa untuk bersama keluarga dan insan tersayang. Ini juga membolehkan kita memperuntukkan lebih banyak masa untuk menguruskan kehidupan, termasuklah beriadah dan menjaga kesihatan dengan sebaik mungkin. Justeru, saya percaya, dalam usaha kita menghayati ihsan ke arah kecemerlangan universiti, kita turut sama mampu mencapai kesejahteraan kehidupan kita tanpa kompromi. Ingatlah, hanya dengan kesejahteraan, kita mampu bekerja, berkhidmat dan menyumbang kepada kemajuan UPM dengan lebih lestari.

Adalah menjadi tanggungjawab kita semua bersama-sama untuk menjayakan Pelan Transformasi UPM Melangkaui 2025 demi kelangsungan legasi kecemerlangan universiti. Justeru, maklum balas, idea, dan penambahbaikan daripada semua warga universiti amat dialu-alukan.

Pada hari ini juga, kita akan menyaksikan beberapa pelancaran. Antaranya pelancaran buku, *From Seed to Towering Tree: The UPM Journey*. Tahniah saya ucapkan kepada sidang pengarang dan editor atas dedikasi mereka. Tahniah juga saya ucapkan kepada Penerbit UPM yang sentiasa menghasilkan penerbitan yang bermutu tinggi dan sangat membanggakan.



Akhir kata, marilah kita bermuafakat untuk terus menghayati lhsan dan bersama-sama untuk terus merealisasikan Pelan Transformasi UPM Melangkaui 2025 demi kesejahteraan kita semua. Bak kata ungkapan Melayu;

*Adat hidup bermasyarakat  
Berat ringan sama diangkat  
Dalam sakit ubat mengubat  
Dalam senang ingat mengingat  
Duduk berdiri dalam muafakat  
Sebarang kerja dalam sepakat  
Taat setia menjaga adat  
Tidak memilih jauh dan dekat.*

[Tenas Effendy, 2006]

Semoga semua perancangan kita ini mendapat keberkatan-Nya sekali gus menjayakan misi kesejahteraan sejagat seperti yang kita impikan.

Sekian, terima kasih.



## Di Atas Bahtera Ihsan - Prolog

Bahtera ini, Universiti Putra Malaysia  
Sekian lama menggalas amanah dan tanggungjawab  
Mendidik siswa demi kemenjadian insan syumul  
Merekaayasa penyelidikan membudaya inovasi  
Membina kekayaan sebuah negara merdeka.

Dengan keyakinan Tuanku Canselor  
Kementerian yang memberi mandat  
Daripada Perlembagaan yang diangkat  
Kita gagahi aspirasi  
Merintis denai cabaran  
Mendaki puncak ke puncak  
Semakin jelas di mata dunia  
Keberadaan kita di arena pendidikan tinggi.

Menakhoda bahtera ini berkemudi ilmu dan bakti  
Sebuah pasukan yang setia bersama  
Sekaliannya punya peranan yang disempurna  
Mengangkasa segala komitmen  
Terus mencipta dan mencapai kejayaan  
Menggarap ihsan sebagai tonggak  
Menjadi haruman sebuah taman ilmu.

Kebersamaan menjadi kunci kejayaan  
Apresiasi dan penghargaan buat sekaliannya  
Junjungan kasih di singgahsana budi  
Andai ganjaran tidak semuanya di dunia  
Moga Allah memberi berkat rahmat\_Nya  
Kerana bahtera ini adalah bahtera ihsan  
Menyanjung budi menjunjung ihsan  
Atas perkenan redha Azzawajalla.

Di atas bahtera ihsan  
Bertekad azam sepakat melestari kejayaan  
Biar siapa pun nakhoda yang diangkat.

## Di Atas Bahtera Ihsan

Pelayaran ini bukan pelayaran biasa  
meredah gelombang bersilih dasawarsa  
pernah bertemasya menghirup nyaman rasa  
terkadang dilambung gelombang membinasa  
dalam mencari pelabuhan kejayaan bakti dan jasa  
selagi berdetik masa.

Bahtera ini sudah dimohor tinta  
bertimbun harap menunggu nyata  
kudus munajat doa pohon makbul pencipta  
para sarjana dinanti pulang sang pencinta  
makrifat ilmu diangkat julang megah cita-cita  
andalan penyelidikan dikendong serata-rata  
budaya inovasi menerangi gelita  
menghayat ihsan memugar laman rohani pendeta  
haruman taman ilmu digemerlap sinar permata  
berbuah nikmat mengharap rahmat seluruh semesta  
memartabat insan tanpa hilang cerita.

Menakhoda pelayaran ini azimatnya berilmu berbakti  
melebar takluk pelabuhan tanpa henti  
manifestasi berkat kebersamaan bakti  
tidak bersendiri sang nakhoda merekayasa gemilang pasti  
ada Laksamana gagah menabur jasa setulus hati  
dedikasi Shahbandar mewangi haruman integriti  
bitara Malim meredah pasang surut bersilih ganti  
perkasa para kelasi bermandian keringat kudrat separuh mati  
anyaman amanah dan percaya yang dicermati  
lalu rentetan kejayaan terukir abadi di prasasti  
menjadi ceritera generasi nanti  
ilmu, akal, budi, jasa dan bakti yang diingati.

Pelayaran ini amanah yang digalas  
budi segumpal tidak diharap balas  
kendati pun jasa bakti walau sekilas  
moga subur di pohonan ikhlas  
mengharap rimbunan jiwa dibelai belas  
mengabadi ihsan di tonggak dua belas  
mengangkasa apresiasi santun kata beralas.

Akan mendatang pasti waktu  
hadir tanpa dihalang tentu  
nakhoda berganti satu persatu  
lestari gemilang harus kekal di situ  
sumpah setia bersama bersatu  
bahu membahu bantu membantu  
biar siapa pun nakhoda ketika itu.

Pelayaran ini mesti terus mendakap cakna  
meski taufan membadai bahana  
kerana masih ada saujana mahu disempurna  
ketinggian ilmu mahu di qalbu makna  
indah tamadun mahu diadun warna  
hebat peradaban mahu dihadap buana  
menjadi bangsa yang diperkasa berguna.

Di atas bahtera ihsan  
tertulis wasiat menyimpan segala pesan  
bahawa pelayaran ini tidak akan pernah bernisan  
berpanji azam mengangkat martabat insan  
mercu tanda tanah air berwawasan  
mengabadi tamadun kebanggaan warisan.

Serdang

7 Jamadil Akhir 1439 / 23 Februari 2018



## PENGERTIAN “IHSAN”

Dalam tradisi keilmuan Islam, pengertian “ihsan” merangkumi setiap amal perbuatan atau pekerjaan yang baik, yang dilaksanakan dengan betul, mahir dan cekap, dengan tujuan untuk mencapai kesempurnaan serta kecemerlangan.<sup>1</sup> “Dictionary meanings for ihsan include “right action”, “goodness”, “charity”, “sincerity”, and the like. The root also means “to master or be proficient at”...”.<sup>2</sup> Pengertian ini terkandung dalam sebuah hadis sahih yang diriwayatkan oleh Muslim yang antara lain bermaksud:

*Daripada Abu Ya’la Shaddad ibn Aus radiyallahu ‘anh daripada Rasulullah sallallahu ‘alayhi wa sallam katanya: Sesungguhnya Allah telah mewajibkan ihsan atas tiap-tiap sesuatu....apabila menyembelih, maka elokkan penyembelihan. Dan hendaklah salah seorang kamu menajamkan mata pisaunya, dan hendaklah ia melapangkan [mententeramkan] binatang sembelihan. Diriwayatkan oleh Muslim.<sup>3</sup>*

Sesungguhnya, pengertian “ihsan” sebagaimana yang dijelaskan dalam hadis sahih di atas dapat dimanfaatkan dalam urusan pekerjaan manusia. Ini merujuk kepada aspek kesempurnaan, kualiti atau keelokan yang amat dititikberatkan oleh Islam dalam setiap pekerjaan manusia, sebagaimana yang terkandung dalam penjelasan Imam Nawawi r.h. terhadap maksud “ihsan” dalam hadis di atas.

Hadis sahih tersebut menjelaskan pentingnya penyembelihan haiwan dilaksanakan dengan “ihsan” iaitu sempurna, teliti, baik dan penuh prihatin demi mententeramkan serta tidak menyiksa haiwan yang disembelih.<sup>4</sup> Justeru, aspek yang begitu ditekankan dalam pengertian “ihsan” ialah kemahiran serta kecekapan yang tinggi termasuklah dalam menentukan perkakasan serta peralatan kerja (*tools*) yang tepat dan canggih, misalnya menggunakan pisau yang tajam dan tidak tumpul dalam penyembelihan supaya tidak menyiksa haiwan.<sup>5</sup>

Perkara penting yang menunjangi setiap pekerjaan berasaskan “ihsan” ialah mendatangkan kebaikan serta kesejahteraan bukan sahaja kepada diri sendiri dan manusia lain, tetapi juga terhadap haiwan, tumbuh-tumbuhan serta alam persekitaran. Adalah jelas bahawa pengertian “ihsan” yang sedemikian begitu harmoni serta sehati dengan fitrah manusia yang berperadaban, dan ia adalah universal sifatnya. “Ihsan” merupakan konsep yang bukan sahaja yang begitu menitikberatkan kebaikan dan kecemerlangan, tetapi menekankan kesejahteraan dalam kehidupan manusia. Dalam konteks pentadbiran dan kepimpinan universiti, konsep “ihsan” mengajar kita supaya berusaha mencapai kesempurnaan dengan menitikberatkan kualiti melalui ilmu dan kemahiran yang tinggi, dan sekali gus menolak mediokriti (*mediocrity*).



Sejajar dengan Rukun Negara Malaysia yang berpaksikan kepada prinsip “Kepercayaan kepada Tuhan, penerapan konsep “ihsan” dalam pentadbiran dan kepimpinan dapat meninggikan lagi martabat pekerjaan yang kita laksanakan, apabila ia tidak lagi sekadar tugas duniawi semata-mata, tetapi juga menjadi satu tanggungjawab atau amal soleh (ibadah) manusia kepada Pencipta. Melalui konsep “ihsan”, matlamat pekerjaan kita tidak sekadar untuk meraih habuan material sahaja, tetapi yang lebih utama ialah memperoleh keampunan serta keredaan Pencipta, dan memberikan kebaikan serta kejayaan dalam kehidupan di dunia dan di alam yang abadi. Dengan kata lain, melalui konsep “ihsan”, pekerjaan kita di dunia tidak terpisah daripada tanggungjawab kita kepada Tuhan (*divine responsibility*).

Sesungguhnya, pemahaman ini turut mendasari pengertian “ihsan” sebagaimana yang dijelaskan dalam sebuah lagi hadis sahih, yang antara lain bermaksud:

*Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a.: Pada suatu hari ketika Nabi Muhammad s.a.w. bersama para sahabatnya, datang seseorang yang bertanya, “Apakah iman itu?” Rasulullah s.a.w. menjawab, “Iman adalah percaya kepada Allah, para malaikat-Nya, pertemuan dengan-Nya, para rasul-Nya, dan hari kiamat. Laki-laki itu bertanya lagi, “Apakah Islam itu?” Rasulullah s.a.w. menjawab, “Menyembah*

*Allah yang Esa, mendirikan solat, membayar zakat, dan mengerjakan puasa selama bulan Ramadan. Laki-laki itu bertanya lebih jauh, “Apakah yang dimaksudkan ihsan?”. Rasulullah s.a.w. menjawab, “Beribadah [merujuk kepada setiap amal perbuatan yang baik] kepada Allah ‘Azza wa Jalla seakan-akan engkau melihat-Nya dan seandainya engkau tidak bisa mencapai keadaan itu, engkau harus yakin bahawa Dia melihatmu”... .<sup>6</sup>*

Petikan hadis Rasulullah s.a.w. ini menjelaskan lagi pengertian “ihsan” yang merujuk kepada tahap keyakinan manusia yang merasakan bahawa dirinya sentiasa diawasi oleh Penciptanya. Dengan keyakinan ini, manusia senantiasa berusaha untuk melaksanakan setiap pekerjaannya dengan sebaik-baik pelaksanaan, dengan niat hanya untuk memperoleh keredaan Penciptanya. Niat yang sedemikian akan melahirkan sifat ikhlas dalam hati sanubari manusia, yang lantas dizahirkan melalui hasil pekerjaan yang berkualiti serta sempurna. Dengan kata lain, niat yang ikhlas dapat diukur pada kualiti sesuatu pekerjaan. Tanpa niat yang ikhlas, sesuatu pekerjaan itu tidak akan mendatangkan hasil yang berkualiti, cemerlang, sempurna, dan jauh sekali memberikan kebaikan dan kesejahteraan kepada kehidupan manusia termasuk haiwan, tumbuh-tumbuhan dan persekitarannya. Tanpa niat yang ikhlas juga, pekerjaan yang dilakukan akan hanya memberikan hasil yang “biasa”, sederhana atau *mediocre* sifatnya.

Penting untuk difahami bahawa konsep "ihsan" tidak memisahkan manusia (yang pada hakikatnya terikat) dengan Penciptanya, atau diungkapkan sebagai taklif atau *divine accountability and responsibility*.<sup>7</sup> Dalam tradisi keilmuan Islam, soal keterikatan hubungan antara manusia dengan Penciptanya atau taklif ini sudah sedia dijelaskan dalam al-Quran Surah al-Araf, Ayat 172 yang antara lain bermaksud:

*Dan (ingatlah), ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka (seraya berfirman): "Bukankah Aku ini Tuhanmu?" Mereka menjawab: "Betul (Engkau Tuhan kami), kami menjadi saksi". (Kami lakukan yang sedemikian itu) agar di hari kiamat kamu tidak mengatakan: "Sesungguhnya kami (bani Adam) adalah orang-orang yang lengah terhadap ini (keesaan Tuhan).*

Ayat al-Quran tersebut menjelaskan asal-usul penciptaan manusia yang bermula dengan termeterainya "perjanjian

azali" (*primordial covenant*) antara setiap roh manusia dengan Penciptanya. "Perjanjian azali" (*primordial covenant*) ini menyatakan kesanggupan manusia untuk melaksanakan janjinya, iaitu mengabdikan (*'abd*) diri kepada Penciptanya dengan melaksanakan kebaikan dan meninggalkan kejahatan. Terangkum dalam "perjanjian azali" ini juga ialah kesanggupan manusia untuk memikul amanah sebagai "khalifah" (*vicegerent*) di muka bumi, dengan memanfaatkan sepenuhnya kekuatan akal (*judicious power*) mereka untuk mentadbir alam semesta dengan sebaik-baik pentadbiran.<sup>8</sup> Dalam konteks ini, konsep ihsan menjadi satu terjemahan terhadap hakikat keterikatan perhubungan manusia dengan Penciptanya (*taklif*), sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis tadi. Keterikatan hubungan antara manusia dengan Pencipta inilah yang akan melahirkan sifat serta budaya kerja yang sangat menitikberatkan aspek kualiti, kesempurnaan dan kecemerlangan.



## Nota Hujung

1. Imam Al-Nawawi. [1976]. *An-Nawawi's Forty*. Terj. oleh Ezzeddin Ibrahim & Denys Johnson-Davies. Damascus: The Holy Koran Publishing House. hlm. 30. Istilah “ihsan” ini berasal daripada kata akar ha sim nun yang disebut sebagai “hasuna”. Daripada kata akar ini, lahir satu kata kerja yang disebut sebagai “ahsana” yang mempunyai kaitan secara langsung dengan istilah “ihsan” yang membawa maksud “good, comely or pleasing”. Edward William Lane, *An Arabic-English Lexicon Part 2*, Libraire Du Liban, Beirut, 1968, hlm. 570.
2. Imam Al-Nawawi. [1976]. *An-Nawawi's Forty*. Terj. oleh Ezzeddin Ibrahim & Denys Johnson-Davies. Damascus: 1976, The Holy Koran Publishing House. 30.
3. Mustafa ‘Abdul Rahman. [1992]. *Hadis 40: Terjemahan dan Syarahnya*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar. hlm. 220.
4. Sejajar dengan kepentingan “ihsan”, syariat Islam, antaranya menggariskan adab dalam penyembelihan haiwan antaranya tidak melayani haiwan yang disembelih dengan kasar, menajamkan pisau supaya tidak menyeksa haiwan, tidak menajamkan pisau di hadapan haiwan kerana dikhuatiri boleh menakutkannya, tidak menyembelih di hadapan haiwan lain, dilarang menyembelih haiwan yang bunting atau sedang menyusui, serta tidak terus melapah daging sehingga haiwan itu benar-benar mati. Untuk penjelasan lanjut, sila rujuk Al-Ustaz Mustafa ‘Abdul Rahman, *Hadis 40: Terjemahan dan Syarahnya*. Dewan Pustaka Fajar, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 221-225.
5. Maulana Aashiq Elahi Buland Shehri. *The Arba’een: 40 Ahadith of Imam Nawawi*. Terj. oleh Zaheer Ali, Darul-Ishaat, Pakistan. hlm. 67.
6. Imam Az-Zabidi. [2014]. *Ringkasan Shahih Al-Bukhari (Arab-Indonesia)*. Terj. oleh Drs. Cecep Syamsul Hari & Tholib Anis. Kuala Lumpur: Crescent News Sdn. Bhd. hlm. 25.
7. Hermansen, M.K. *The Conclusive Argument from God: Shah Wali Allah of Delhi's Hujjat Allah al-Baligha*, E.J. Brill, Leiden, 1996, hlm. 9, 197, 199, 238. Shah Waliullah Dehlawi r.h. (1702-1762) merupakan seorang sarjana Islam abad ke 18 Masihi yang terkenal. Kitab karangan beliau yang penting berjudul *Hujjat Allah al-Baligha* yang telah diterjemahkan ke pelbagai bahasa termasuk bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia. Versi bahasa Malaysia diterjemahkan dan diberikan anotasi oleh Zainuddin Hj. Idris & Nik Hassan Nik Abdullah dengan judul *Hujjat Allah Al-Balighah: Terjemahan dan Anotasi (Juzuk 1)* dan *Hujjat Allah Al-Balighah: Terjemahan dan Anotasi (Juzuk 2)*. Kedua-dua jilid ini diterbitkan oleh International Islamic University Malaysia (IIUM) Press, Gombak, 2015.
8. Syed Muhammad Naquib Al-Attas. [1978]. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM). hlm. 52-73 & 132-136.

## RUJUKAN UNTUK PENGERTIAN IHSAN

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1978). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).

Imam Al-Nawawi. (1976). *An-Nawawi's Forty*. Terj. Ezzeddin Ibrahim & Denys Johnson-Davies. Damascus: The Holy Koran Publishing House.

Imam Az-Zabidi. (2014). *Ringkasan Shahih Al-Bukhari (Arab-Indonesia)*. Terj. Drs. Cecep Syamsul Hari & Tholib Anis. Kuala Lumpur: Crescent News Sdn. Bhd.

Lane, Edward William. (1968). *An Arabic-English Lexicon Part 2*. Beirut: Libraire Du Liban.

Maulana Aashiq Elahi Buland Shehri. (2007). *The Arba'een: 40 Hadith of Imam Nawawi*. Terj. Zaheer Ali. Pakistan: Darul-Ishaat.

Mustafa 'Abdul Rahman. (1992). *Hadis 40: Terjemahan dan Syarahnya*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.

Shah Wali Allah al-Dihlawi. (1996). *The Conclusive Argument from God: Shah Wali Allah of Delhi's Hujjat Allah al-Baligha*. Terj. Hermansen, M.K. Leiden: E.J. Brill.

Shah Wali Allah al-Dihlawi. (2015). *Hujjat Allah Al-Balighah: Terjemahan dan Anotasi (Juzuk I)*. Terj. Zainuddin Hj. Idris & Nik Hassan Nik Abdullah. Gombak: International Islamic University Malaysia (IIUM) Press.

Shah Wali Allah al-Dihlawi. (2015). *Hujjat Allah Al-Balighah: Terjemahan dan Anotasi (Juzuk II)*. Terj. Zainuddin Hj. Idris & Nik Hassan Nik Abdullah. Gombak: International Islamic University Malaysia (IIUM) Press.

# ...DARI KACA MATA NAIB CANSOLOR

**MUKA SEPULUH** **DARI KACA MATA**  
 Profesor Betty Paksa  
 Naib Canselor, Universiti  
 Putra Malaysia (UPM)

**11** Universiti harus bersedia menghadapi cabaran kekurangan kewangan dengan meningkatkan usaha mengurangkan kebergantungan dana kerajaan

**11** Perkongsian sumber dan kepakaran antara universiti sangat penting babitkan agenda nasional dan kepentingan awam

**11** Faktor keusahawanan, kesekelamatan dan kesukarelawanan sangat penting untuk universiti menanggapi cabaran dalaman

## Atasi cabaran, tingkat daya saing universiti

**K**ita harus bersedia menghadapi cabaran kekurangan kewangan dengan meningkatkan usaha mengurangkan kebergantungan dana kerajaan. Ini adalah cabaran yang dihadapi universiti di seluruh dunia. Untuk mengatasi cabaran ini, universiti perlu meningkatkan daya saing mereka dengan meningkatkan kualiti pendidikan dan penyelidikan mereka. Ini adalah cabaran yang dihadapi universiti di seluruh dunia. Untuk mengatasi cabaran ini, universiti perlu meningkatkan daya saing mereka dengan meningkatkan kualiti pendidikan dan penyelidikan mereka.

Universiti harus bersedia menghadapi cabaran kekurangan kewangan dengan meningkatkan usaha mengurangkan kebergantungan dana kerajaan. Ini adalah cabaran yang dihadapi universiti di seluruh dunia. Untuk mengatasi cabaran ini, universiti perlu meningkatkan daya saing mereka dengan meningkatkan kualiti pendidikan dan penyelidikan mereka.

Perkongsian sumber dan kepakaran antara universiti sangat penting babitkan agenda nasional dan kepentingan awam. Ini adalah cabaran yang dihadapi universiti di seluruh dunia. Untuk mengatasi cabaran ini, universiti perlu meningkatkan daya saing mereka dengan meningkatkan kualiti pendidikan dan penyelidikan mereka.

Faktor keusahawanan, kesekelamatan dan kesukarelawanan sangat penting untuk universiti menanggapi cabaran dalaman. Ini adalah cabaran yang dihadapi universiti di seluruh dunia. Untuk mengatasi cabaran ini, universiti perlu meningkatkan daya saing mereka dengan meningkatkan kualiti pendidikan dan penyelidikan mereka.

**Sidang redaksi**

12 Januari 2017

Sumber: Berita Harian, 12 Januari 2017

...DARI KACA MATA NAIB CANSOLOR

**MUKA SEPULUH** **DARI KACA MATA**  
**Profesor Baki Paduka**  
**Dr Aini Ideris**  
 Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM)

**Mereka yang bedelufusan PhD sebenarnya melalui proses penyelidikan yang teliti, mendalam dan mencabar** **Tindakan memalsukan PhD adalah suatu jenayah besar yang perlu dibendung** **Jika PhD palsu tidak dibendung, masyarakat sudah tidak yakin dengan kualiti PhD dan tidak mahu lagi disamakan dengan sepiang sijil**

**PhD palsu cemar nilai, integriti ilmu**

**PhD** atau lebih tepat disebut sebagai ijazah sarjana muda adalah ijazah yang menunjukkan bahawa seseorang individu telah menguasai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Namun, dalam beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat peningkatan yang ketara dalam bilangan individu yang memperoleh ijazah PhD palsu. Fenomena ini menimbulkan kekhawatiran yang mendalam mengenai integriti ilmu dan nilai akademik.

Salah satu faktor utama yang mendorong peningkatan PhD palsu adalah ketidaktepatan proses penapisan. Banyak universiti yang gagal melaksanakan prosedur penapisan yang ketat, membolehkan individu dengan latar belakang akademik yang lemah untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana muda. Selain itu, ketidaktepatan proses penapisan juga disebabkan oleh ketidaktepatan prosedur penapisan oleh beberapa universiti yang gagal melaksanakan prosedur penapisan yang ketat.

Kejuruteraan dan teknologi adalah dua bidang yang paling banyak terjejas oleh fenomena PhD palsu. Dalam kedua-dua bidang ini, integriti ilmu adalah sangat penting untuk memastikan kualiti penyelidikan dan inovasi. Namun, dengan adanya PhD palsu, integriti ilmu ini terancam. Individu dengan PhD palsu yang memasuki pasaran tenaga kerja akan menimbulkan persaingan yang tidak adil dan mengancam kedudukan individu dengan ijazah yang sah.

Untuk mengatasi masalah ini, universiti perlu melaksanakan prosedur penapisan yang ketat dan memastikan bahawa semua individu yang melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana muda telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Selain itu, masyarakat juga perlu lebih berhati-hati dalam memilih individu untuk disamakan dengan sepiang sijil.

**MUKA SEPULUH** **DARI KACA MATA**  
**Profesor Datin Paduka**  
**Dr Aini Ideris**  
 Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM)

**Pelajar perlu mendapat bekalan makanan yang mencukupi agar mereka dapat meneruskan pengajian dengan sebaik mungkin** **Di Malaysia, dilaporkan lapan juta tan makanan dibuang setiap hari. Jika dikumpulkan makanan yang terbazir itu, ia boleh memberi makanan kepada enam juta orang** **Jika budaya dan cara pemakanan kita berubah, kita boleh mengurangkan risiko berlakunya pembaziran makanan ini**

**Makanan untuk dihargai, bukan dibazirkan**

**M**akanan adalah perkara asas kepada manusia dalam tempoh singkat. Setiap manusia memerlukan makanan untuk hidup dan meneruskan aktiviti seharian. Oleh kerana itu, ia adalah makanan yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Namun, di Malaysia, dilaporkan lapan juta tan makanan dibuang setiap hari. Jika dikumpulkan makanan yang terbazir itu, ia boleh memberi makanan kepada enam juta orang.

Salah satu faktor utama yang mendorong pembaziran makanan adalah ketidaktepatan proses penapisan. Banyak universiti yang gagal melaksanakan prosedur penapisan yang ketat, membolehkan individu dengan latar belakang akademik yang lemah untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana muda. Selain itu, ketidaktepatan proses penapisan juga disebabkan oleh ketidaktepatan prosedur penapisan oleh beberapa universiti yang gagal melaksanakan prosedur penapisan yang ketat.

Kejuruteraan dan teknologi adalah dua bidang yang paling banyak terjejas oleh fenomena PhD palsu. Dalam kedua-dua bidang ini, integriti ilmu adalah sangat penting untuk memastikan kualiti penyelidikan dan inovasi. Namun, dengan adanya PhD palsu, integriti ilmu ini terancam. Individu dengan PhD palsu yang memasuki pasaran tenaga kerja akan menimbulkan persaingan yang tidak adil dan mengancam kedudukan individu dengan ijazah yang sah.

Untuk mengatasi masalah ini, universiti perlu melaksanakan prosedur penapisan yang ketat dan memastikan bahawa semua individu yang melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana muda telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Selain itu, masyarakat juga perlu lebih berhati-hati dalam memilih individu untuk disamakan dengan sepiang sijil.

Sumber: Berita Harian, 9 April 2017

Sumber: Berita Harian, 28 Jun 2017

→ MUKA SEPULUH

DARI KACA MATA

Profesor Batin Paduka  
Dr Aini Iderni  
Fakulti Pendidikan  
Kuala Lumpur

**44** Peningkatan dana buka peluang banyak penyelidikan dilakukan, hasilkan penyelidikan berimpak tinggi

**45** Peruntukan besar mencabar universiti memacu kecemerlangan, memastikan kualiti dalam pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan dan inovasi

**46** Bajet 2018 buka ruang dan peluang upayakan sektor pendidikan tinggi merjayakan Transformasi Nasional 2050\*

## Tambahkan dana wajar lonjak mutu universiti

**W**ajar lonjak program yang mampu meningkatkan mutu universiti. Untuk itu, kerajaan perlu menambah dana buja ke sektor pendidikan tinggi. Hal ini kerana, sektor pendidikan tinggi merupakan tulang punggung negara. Oleh itu, kerajaan perlu memastikan kualiti pendidikan tinggi dengan meningkatkan peruntukan kepada sektor ini.

Hal ini kerana, sektor pendidikan tinggi merupakan tulang punggung negara. Oleh itu, kerajaan perlu memastikan kualiti pendidikan tinggi dengan meningkatkan peruntukan kepada sektor ini.

Hal ini kerana, sektor pendidikan tinggi merupakan tulang punggung negara. Oleh itu, kerajaan perlu memastikan kualiti pendidikan tinggi dengan meningkatkan peruntukan kepada sektor ini.

Hal ini kerana, sektor pendidikan tinggi merupakan tulang punggung negara. Oleh itu, kerajaan perlu memastikan kualiti pendidikan tinggi dengan meningkatkan peruntukan kepada sektor ini.

Hal ini kerana, sektor pendidikan tinggi merupakan tulang punggung negara. Oleh itu, kerajaan perlu memastikan kualiti pendidikan tinggi dengan meningkatkan peruntukan kepada sektor ini.

Hal ini kerana, sektor pendidikan tinggi merupakan tulang punggung negara. Oleh itu, kerajaan perlu memastikan kualiti pendidikan tinggi dengan meningkatkan peruntukan kepada sektor ini.

Sumber: Berita Harian, 1 November 2017

## **We Love UPM**

Di varsiti ini aku berdiri  
Melangkah mula dan terus berlari  
Mengejar visi  
Menggenggam misi.

Puncak megah ingin aku tawani  
Dengan ilmu aku berbakti  
Julang tradisi  
Unggulkan varsiti.

Ayuh  
Semat di hati  
Katakan ini

*We love UPM*  
*We love UPM*  
Kau sentiasa di hati  
Kaulah inspirasi  
Ayuh berlari  
Menggapai visi  
Berilmu berbakti

Ooo.. yeah

*Lagu ciptaan:*  
*Khairul Daniel@KD*  
*(Pegawai Kebudayaan,*  
*Pusat Kebudayaan dan Kesenian SSAAS UPM)*

*Seni kata Lagu:*  
*Mohd Radzi Muhamad Dul*  
*(Alumni UPM Kelas 2010)*

*Nyanyian:*  
*Adidi Tamin*  
*(Pegawai Kebudayaan,*  
*Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM)*